

KEMBANGKAN KEPELBAGAIAAN EKONOMI, TUMPUKAN INDUSTRI STRATEGIK

■ Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 27 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar

'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah supaya pihak-pihak berkenaan dalam kerajaan untuk terus memanfaatkan pengalaman dan pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, khususnya menerusi penglibatan dalam mana-mana keahlian jawatankuasa ataupun *taskforce* yang diamanahkan.

Dalam titah baginda, Ahli-ahli Yang Berhormat yang dilantik juga disarankan untuk membuat inisiatif-inisiatif masing-masing ke arah membantu kerajaan baginda dalam menjana peluang-peluang pekerjaan, mempertingkatkan sektor-sektor perekonomian dan pembangunan kapasiti sumber tenaga manusia, termasuk di kalangan pengusaha-pengusaha tempatan dan golongan-golongan tertentu yang lain.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah demikian semasa berkenan berangkat menyempurnakan Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, pagi tadi.

Dalam titah tersebut, baginda difahamkan bahawa menerusi Laporan ASEAN Plus



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan mengurniakan titah pada Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis. - Foto : Mohamad Azmi Awang Damit.

Three Macroeconomic Research Office (AMRO), telah diramalkan bahawa ekonomi negara akan mengukuh kepada 2.4 peratus pada tahun 2024, yang diterajui oleh Sektor Bukan Minyak dan Gas, melalui aktiviti perekonomian dalam sub-sektor pertanian, makanan, kewangan, pengangkutan dan pelancongan serta perluasan aktiviti dalam Sektor Penapisan Minyak dan Gas Hiliran.

Baginda juga telah difahamkan bahawa beberapa usaha mempelbagaikan ekonomi telah pun dilaksanakan, namun masih saja

belum mencukupi untuk mengimbangi kedudukan defisit fiskal kerajaan.

Tetapi apapun keadaan tegas baginda, pada hakikatnya kita tidak dapat lagi terlalu bergantung kepada semata-mata Sektor Minyak dan Gas kerana terdapat beberapa faktor di luar kawalan kita seperti penurunan pengeluaran minyak dan gas dan harga pasaran global minyak dan gas yang tidak menentu.

>> Muka 2

Istiadat Pembukaan Rasmi MMN Ke-20 disempurnakan

■ Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 27 Februari. - Persidangan Majlis Mesyuarat tahun ini akan membincangkan dan meluluskan perkara utama iaitu Rang Undang-undang (2024) Perbekalan, 2024 / 2025, melalui tiga peringkat sebelum ia dapat diluluskan sepenuhnya dan

diwartakan untuk diguna pakai bermula 1 April 2024.

Sehubungan itu, Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi telah berlangsung hari ini dan

berkenan disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

>> Muka 4

Berkenan berangkat ke Majlis Khatam Al-Quran 40 Kali

■ Oleh : Aimi Sani

KIARONG, Isnin, 26 Februari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri

Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) berkenan berangkat ke Majlis Khatam Al-Quran 40 Kali sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024 di Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah, Kampung Kiarong, hari ini.

Berangkat sama ialah paduka-paduka

adinda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

>> Muka 6



Berita Utama



PERKHIDMATAN SMS
Tabung Dana Pembinaan Masjid
 dilancarkan
Muka 9



HAYATI peristiwa Israk, Mikraj
Muka 12



SANTUNI masyarakat melalui
Projek Jalinan Kasih
Muka 19



RENCANA
ELAK terdedah cuaca panas
Muka 29

Kembangkan kepelbagaian ekonomi, tumpukan industri strategik

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Mohammad Hatral Hazmi Awang
Abdul Hamid, Muhammad Asri Haji Awang Abas

>> Muka 1

Kebawah DYM bertitah menekankan bahawa usaha-usaha perlulah diteruskan dan dipertingkatkan lagi ke arah mempelbagaikan ekonomi serta memberikan tumpuan kepada industri-industri strategik, di mana negara mempunyai potensi dan kekuatan untuk lebih berjaya.

Pada masa yang sama titah baginda, isu-isu semasa seperti isu alam sekitar, perubahan iklim dan sebagainya juga perlu diberikan perhatian.

Namun apapun berlaku, Kebawah DYM menegaskan hala tuju pengeluaran minyak dan gas mesti diaktifkan dan industri



hiliran minyak dan gas dikembangkan serta bekalan tenaga elektrik dan bahan api terus diutamakan.

"Dari segi perbelanjaan kerajaan pula, ianya dilihat semakin meningkat tahun demi tahun.

"Namun demikian, alhamdulillah, kerajaan beta masih mampu untuk menyediakan sejumlah belanjawan bagi keperluan pembangunan.

"Apa yang penting di sini ialah, setiap agensi kerajaan beta hendaklah menggunakan peruntukan yang disediakan dengan lebih berhemah untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan bagi penduduk dan rakyat negara ini," titah baginda.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

WAKTU SEMBAHYANG										
Februari MASIHI	HARI	Syaaban HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
28	RABU	18	5.05	5.15	6.32	6.55	12.34	3.50	6.33	7.43
29	KHAMIS	19	5.05	5.15	6.32	6.55	12.34	3.50	6.33	7.43
1 Mac	JUMAAT	20	5.04	5.14	6.32	6.54	12.34	3.49	6.33	7.43
2	SABTU	21	5.04	5.14	6.31	6.54	12.33	3.49	6.33	7.43
3	AHAD	22	5.04	5.14	6.31	6.53	12.33	3.48	6.33	7.43
4	ISNIN	23	5.03	5.13	6.31	6.53	12.33	3.48	6.33	7.42
5	SELASA	24	5.03	5.13	6.30	6.53	12.33	3.47	6.33	7.42

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
RABU	KHAMIS	JUMAAT	
Bandar Seri Begawan			
33 25 °C	34 25 °C	32 25 °C	
Pekan Bangar			
34 25 °C	34 25 °C	34 25 °C	
Pekan Tutong			
33 25 °C	33 26 °C	32 26 °C	
Kuala Belait			
32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C	

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG 28 FEBRUARI 2024

Bincang perkara strategik bermanfaat

PERSIDANGAN Majlis Mesyuarat Negara (MMN) memasuki usia ke-20 tahun persidangan sejak penubuhan semulanya pada 25 September 2004 setelah dibubarkan pada tahun 1984. Persidangan MMN pada tahun ini akan membincangkan dan meluluskan perkara utama iaitu Rang Undang-undang (2024) Perbekalan, 2024 / 2025, melalui tiga peringkat sebelum ia dapat diluluskan sepenuhnya dan diwartakan untuk diguna pakai bermula 1 April 2024.

Alhamdulillah, Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN yang berlangsung pada Selasa, 17 Syaaban 1445 Hijrah bersamaan 27 Februari 2024 Masihi bertempat di Bangunan Dewan Majlis disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Semasa mengurniakan titah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia menekankan bahawa MMN merupakan medan untuk melahirkan pendapat dan buah fikiran yang membina oleh para ahli. Ia dihasratkan kekal relevan untuk membincangkan perkara-perkara strategik yang bermanfaat bagi rakyat dan negara.

Baginda juga berharap agar Ahli-ahli Yang Berhormat akan sentiasa peka untuk mengikuti perkembangan yang berlaku, bukan sahaja di dalam negara, malah juga di peringkat serantau mahupun antarabangsa.

Titah baginda, semua ini boleh memberikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat perspektif berbeza serta idea-idea baharu, yang boleh menyuntik kemajuan dalam bidang-bidang utama yang diperlukan.

Kebawah DYM juga menyentuh secara khusus mahu Ahli-ahli Yang Berhormat yang dilantik akan sentiasa 'turun padang' untuk bermuzakarah dengan pihak-pihak berkepentingan dari sektor kerajaan, swasta, persatuan-persatuan dan lebih-lebih lagi para penduduk yang diwakili masing-masing.

Kebawah DYM percaya perundingan timbal balik tersebut akan memastikan *inclusiveness* kesemua pihak dan meningkatkan lagi keyakinan masyarakat serta membantu reka dasar kerajaan baginda.

Oleh itu, dalam menandai titah Kebawah DYM tersebut, Persidangan MMN hendaklah dimanfaatkan oleh Ahli-ahli MMN untuk membincangkan perkara-perkara yang relevan bagi mencapai objektif pembangunan dan kemajuan Negara Brunei Darussalam. Di samping itu, persidangan ini juga adalah sebagai platform bagi Ahli-ahli MMN mengemukakan buah fikiran dalam suasana bermuzakarah yang aman dan tenteram.

Semoga Persidangan MMN kali ini akan berjalan dengan lancar, muafakat dan dedikasi serta membuahkan strategi yang bermanfaat untuk menjana perkembangan dan kemajuan negara. Selain itu, bagi mana-mana pihak yang berhasrat untuk menghadiri Sesi Persidangan MMN adalah dipohonkan untuk mematuhi beberapa peraturan dan garis pandu khususnya berkaitan dengan kod pakaian dan tatacara memasuki Dewan Persidangan MMN. - **Ketua Penyuntingan (Rd).**

NOTA : AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNGI AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBAR INI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

تربیتکن اوله جابتن قراغن، جابتن قردان منتري دان دچینق اوله قرینت قلس سندیرین برحد، نکارا برونی

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

RKN PENTING UNTUK CAPAI ASPIRASI WAWASAN BRUNEI 2035



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat dan seterusnya mengurniakan titah pada Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat negara (MMN).

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 27 Februari. - Projek-projek pembangunan Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-12 diharap akan dapat dipercepatkan mengikut garis masa yang sudah ditentukan.

Justeru itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang



Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya menekankan bahawa RKN mempunyai peranan penting ke arah mencapai aspirasi Wawasan Brunei 2035.

Dari segi pembangunan negara pula, Kebawah Duli Yang Maha Mulia semasa bertitah pada Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis di sini

juga menyatakan, bahawa RKN Ke-12 akan bermula pada Tahun Kewangan 2024/2025 ini bagi tempoh lima tahun.

Baginda menambah, adalah juga menjadi harapan kita supaya Blueprint-Blueprint yang berkaitan dengan perekonomian, akan mendorong kepada pertumbuhan sektor yang disasarkan, dan dapat menarik lebih banyak lagi pelaburan langsung asing yang berpotensi untuk menjana peluang-peluang pekerjaan baharu.

Terdahulu, Kebawah DYMM bertitah, MMN adalah merupakan medan untuk melahirkan pendapat dan buah fikiran yang membina oleh para ahli.

Ia dihasratkan kekal relevan

untuk membincang perkara-perkara strategik yang bermanfaat bagi rakyat dan negara.

Baginda berharap, Ahli-ahli Yang Berhormat akan sentiasa peka untuk mengikuti perkembangan yang berlaku, bukan sahaja di dalam negara, malah juga di peringkat serantau mahupun antarabangsa.

"Ini semua boleh memberikan perspektif berbeza serta idea-idea baharu, yang boleh menyuntik kemajuan dalam bidang-bidang utama yang diperlukan.

"Secara khusus, beta juga mahu Ahli-ahli Yang Berhormat yang dilantik akan sentiasa 'turun padang' untuk

bermuzakarah dengan pihak-pihak berkepentingan dari sektor kerajaan, swasta, persatuan-persatuan dan lebih-lebih lagi para penduduk yang diwakili masing-masing," titah baginda.

Kebawah DYMM percaya perundingan timbal balik ini akan memastikan *inclusiveness* kesemua pihak dan meningkatkan lagi keyakinan masyarakat serta membantu reka dasar kerajaan baginda.

Untuk akhirnya, baginda sekali lagi menyarankan agar persidangan ini akan dapat dimanfaatkan sepenuhnya bagi mencapai objektif pembangunan dan kemajuan negara.



ANTARA yang berangkat dan hadir pada Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN yang diadakan di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis (atas dan kiri).

ISTIADAT PEMBUKAAN RASMI MMN KE-20 DISEMPURNAKAN



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyempurnakan Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Jalan Dewan Majlis (kiri) manakala gambar atas, baginda berkenan mengurniakan titah pada istiadat tersebut.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Haji Awang Abas

>> Muka 1

Berangkat sama, paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang



Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal

Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta kerabat diraja di Bangunan Dewan Majlis, Jalan Dewan Majlis dijunjung oleh Yang Di-Pertua MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib dan Jurutulis Majlis Mesyuarat Di-Raja, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-menteri

Kabinet dan Jurutulis MMN, Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memasuki Dewan Persidangan didahului dengan perarakan masuk Cokmar MMN. Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya berkenan mengurniakan titah sebagai tanda bermulanya Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Terdahulu, sebelum Istiadat Pembukaan Rasmi berlangsung, Persidangan MMN bersidang untuk meneliti dan mengesahkan Minit Persidangan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-19 MMN, Negara Brunei Darussalam yang telah bersidang selama 18 hari mulai 2 hingga 28 Mac 2023.

Persidangan tersebut kemudiannya ditangguhkan bagi Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN dan Sesi Persidangan MMN akan disambung bersidang pada Rabu, 28 Februari bermula pada pukul 9.30 pagi.

Persidangan MMN akan dipengerusikan oleh Yang Di-Pertua MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman dan dibantu oleh Jurutulis Majlis Mesyuarat Di-Raja, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet dan Jurutulis MMN, Dr. Dayang Hajah Huraini.

>> Muka 5



BERANGKAT sama, paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah (atas kiri dan atas).



YANG Di-Pertua MMN semasa mempengerusikan Persidangan MMN bagi meneliti dan mengesahkan Minit Persidangan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-19 MMN yang bersidang selama selama 18 hari mulai 2 hingga 28 Mac 2023 (atas), manakala gambar kanan, sebahagian yang hadir pada istiadat tersebut.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda dan adinda baginda berkenan dijunjung bagi sesi bergambar ramai bersama Yang Berhormat Ahli-ahli MMN.

>> Muka 4

Sesi Persidangan MMN ini dibuka kepada orang awam yang berminat untuk melihat dan mendengarkan perbincangan dan perbahasan di dalam Dewan Persidangan MMN. Ia

juga boleh dihadiri oleh mana-mana institusi pendidikan yang berminat untuk memberikan pendedahan kepada penuntut-penuntut atau mahasiswa / mahasiswi mengenai tatacara membincangkan sesebuah rang undang-undang di Negara Brunei Darussalam.

Sehubungan dengan ini, orang ramai yang berminat untuk menghadiri Sesi Persidangan adalah dipohonkan untuk mematuhi beberapa peraturan dan garis pandu persidangan khususnya berkenaan dengan kod pakaian dan tatacara memasuki Dewan Persidangan. Bagi

orang ramai yang memerlukan perkhidmatan peralihan bahasa (*translation*) bolehlah memohonkan kepada Urus Setia MMN Ke-20 iaitu 24 jam sebelum ia diperlukan.

Rakaman persidangan harian juga boleh diikuti melalui saluran RTB Perdana dan

RTB Sukmaindera pada pukul 9.00 malam bagi rakaman sesi pagi dan diikuti lagi pada pukul 11.00 malam bagi rakaman sesi petang. Laporan harian juga boleh diakses melalui laman sesawang rasmi MMN : www.majlis-mesyuarat.gov.bn dan www.councils.gov.bn.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda ketika berangkat pada Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi dan seterusnya menerima junjung ziarah (atas kiri dan atas kanan). Sementara gambar bawah kiri, Cokmar MMN dibawa masuk. Manakala gambar bawah tengah, antara yang hadir pada persidangan tersebut.



DOA Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.

BERKENAN BERANGKAT KE MAJLIS KHATAM AL-QURAN 40 KALI



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) berkenan berangkat ke Majlis Khatam Al-Quran 40 Kali sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-40, Tahun 2024. Berangkat sama ialah paduka-paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (atas dan kanan).

Oleh : Aimi Sani

Foto : Masri Osman, Mohammad Hatral Hazmi
Awang Abdul Hamid

>> Muka 1

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berserta

kerabat diraja dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah



Dato Paduka Haji Awang Othman; Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad selaku Pengerusi-pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari

Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40 dan Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi yang lain. Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Pegawai Masjid, Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Mustafa bin Haji Murat diikuti dengan bacaan Khatam Al-Quran mulai dari Surah Adh-Dhuha hingga Surah Al-Masad dikepalai oleh

penuntut Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB), Awang Abdul Hadi Muaiyyad bin Haji Azrol dan diteruskan dengan bacaan Takhtim Al-Quran yang dikepalai oleh mahasiswa-mahasiswa Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

>> Muka 7



ANTARA yang hadir pada majlis tersebut, Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet (kiri dan atas). Sementara gambar bawah kiri, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar. Manakala gambar bawah kanan, antara yang hadir pada majlis tersebut menadah tangan ketika doa dibacakan.





DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan berangkat ke Majlis Khatam Al-Quran 40 Kali sempena Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-40, Tahun 2024. Berangkat sama ialah paduka-paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

>> Muka 6

Sementara Doa Khatam pula dibacakan oleh penuntut ITQSHHB, Awang Muhammad Darul Irsyad bin Mohammed Jeffery dan diikuti dengan Dikir Marhaban oleh mahasiswa-mahasiswa UNISSA. Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin

Haji Besar.

Majlis Khatam Al-Quran 40 Kali sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024 serentak di keempat-empat daerah adalah merupakan anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Bagi Daerah Belait, majlis seumpamanya diadakan di Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Pandan. Manakala di Daerah Tutong pula,

majlis telah diadakan di Masjid RPN Bukit Beruang. Sementara di Daerah Temburong bertempat di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.

Majlis ini melibatkan lebih 1,650 peserta di keempat-empat daerah yang terdiri daripada mahasiswa dan mahasiswi institusi pengajian tinggi, penuntut-penuntut Institusi Pendidikan Teknik Brunei (IBTE), penuntut-penuntut sekolah menengah, sekolah agama, ahli-ahli persatuan belia dan sukan

serta pergerakan-pergerakan belia, Pelatih Pusat Pembangunan Belia, sukarelawan-sukarelawan, belia-belia masjid serta qari dan qariah.

Majlis diadakan dengan tujuan untuk menyemarakkan lagi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, dengan pengisian-pengisian yang bermanfaat terutama dengan pembacaan Al-Quran selaras dengan hasrat negara untuk

menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir.

Seterusnya, ia secara tidak langsung akan dapat mempertingkatkan dan mengukuhkan lagi persefahaman serta kerjasama di antara agensi-agensi yang terlibat dalam pembangunan dan tarbiah belia serta masyarakat ke arah menggalakkan penglibatan belia dan masyarakat dalam aktiviti keagamaan.



SEKITAR Majlis Khatam Al-Quran 40 Kali sempena Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-40, Tahun 2024 yang berlangsung di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong (atas, kanan dan bawah).



YANG DI-PERTUA MMN TERIMA KUNJUNGAN HORMAT

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 26 Februari. - Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib hari ini menerima kunjungan hormat daripada Secretary General of the National Assembly Secretariat of Republic of Korea, Tuan Yang Terutama Jae Hyun Baek.

Majlis diadakan di Bangunan Dewan Majlis, Jabatan Majlis-majlis Mesyuarat.

Tuan Yang Terutama disertai oleh rombongan seramai tujuh orang delegasi dari National Assembly Secretariat of Republic of Korea.

Turut hadir sama dalam kunjungan hormat berkenaan ialah Jurutulis Majlis Mesyuarat Di-Raja, Setiausaha Majlis

Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet dan Jurutulis MMN, Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah; berserta Ahli-ahli MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman; Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin; dan Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir.

Kedua-dua belah pihak merakamkan rasa penghargaan atas hubungan kerjasama yang terjalin sejak lamanya dan berharap ia akan sentiasa berkembang dan dapat diperkukuh lagi.

Antara lain, kedua-dua pihak juga menyentuh mengenai sistem pendidikan yang dibangunkan di kedua-dua negara berdasarkan

konteks dan keperluan negara yang penuh semangat.

Keterlibatan dalam bidang pendidikan dilihat sebagai landasan yang amat penting dalam pembangunan negara dan rakyat.


Majlis kunjungan hormat juga diselenggarakan dengan sesi dialog antara rombongan National Assembly Secretariat of Republic of Korea bersama Dr. Dayang Hajah Huraini berserta Ahli-ahli MMN yang hadir.

Antara tumpuan perbincangan adalah mengenai kerjasama dua hala yang diharap dapat ditubuhkan terutamanya dalam *people-to-people exchanges*, lawatan antara kedua-dua pihak dan juga perkongsian maklumat berkenaan *best practices* bidang-bidang yang menjadi keprihatinan kepada kedua-dua negara.

Diharapkan juga, inisiatif melalui kumpulan persahabatan parlimen berkenaan dapat ditunaikan dalam masa yang terdekat dalam mengukuhkan lagi kerjasama antara kedua-duanya.

Sesi berkenaan diakhiri dengan lawatan di Dewan Persidangan MMN dengan rombongan juga berkesempatan melihat persiapan untuk Persidangan MMN Ke-20 yang akan bermula pada esok hari.

Pertemuan berkenaan menandakan kesinambungan komitmen kedua-dua negara dan melambangkan jambatan untuk memperkukuh lagi hubungan dan kerjasama yang sedia ada, serta membuka ruang untuk kerjasama yang lebih erat pada masa akan datang.



YANG Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN) menerima kunjungan hormat daripada Secretary General of the National Assembly Secretariat of Republic of Korea, Tuan Yang Terutama Jae Hyun Baek (atas). Manakala gambar bawah, sesi dialog antara rombongan National Assembly Secretariat of Republic of Korea bersama Jurutulis Majlis Mesyuarat Di-Raja, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet dan Jurutulis MMN berserta Ahli-ahli MMN yang hadir. Sementara gambar atas kiri, rombongan melawat Dewan Persidangan MMN.



Etika, kod pakaian semasa di dalam Dewan Persidangan MMN

■ **Siaran Akhbar : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat**

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 27 Februari. - Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi dirasmikan pada hari ini bertempat di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, Jalan Dewan Majlis, Bandar Seri Begawan.

Istiadat pembukaan rasmi berkenaan disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Persidangan MMN pada tahun ini merupakan kali ke-20 sejak ia ditubuhkan semula pada 25 September 2004 setelah dibubarkan pada tahun 1984.

Pegawai-pegawai kerajaan, penuntut-penuntut sekolah dan institusi pendidikan kerajaan dan swasta serta orang awam yang berhasrat mendengarkan perbincangan dan perbahasan di dalam Dewan Persidangan MMN adalah dialu-alukan untuk datang dengan memakai kod pakaian yang telah ditetapkan dan dimestikan mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan semasa berada di dalam Dewan Persidangan. Kad Pengenal Pinter hendaklah dibawa untuk ditukar dan diberikan Pas-pas Keselamatan sebelum memasuki



kawasan bangunan Dewan Majlis.

Sebagaimana menurut Siaran Akhbar Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat, murid-murid / penuntut-penuntut / mahasiswa-mahasiswi dimestikan memakai pakaian seperti mana yang telah ditetapkan dan mereka juga dimestikan untuk mematuhi peraturan-peraturan semasa di dalam Dewan Persidangan. Sebarang pertanyaan sila hubungi Urus Setia Persidangan MMN atau hubungi terus ke talian +673 2380501.

Bagi institusi-institusi pendidikan yang berhasrat untuk Mengadakan Lawatan Sambil Belajar semasa hari-hari Persidangan MMN bolehlah menghubungi Urus Setia Persidangan MMN.

Kod pakaian bagi pegawai-pegawai, kakitangan kerajaan dan orang awam yang berhasrat mendengarkan persidangan adalah berpakaian kemas dan sopan dengan baju kemeja lengan panjang dan seluar panjang (*lounge suit*) serta tali leher atau pakaian Melayu Islam Beraja atau Baju Melayu lengkap dengan sinjang dan bersongkok (bagi lelaki), Baju Kurung atau Baju Kemeja lengan panjang dan seluar / *skirt* labuh panjang (*lounge suit*) dan bertudung (bagi yang beragama Islam - perempuan) dan memakai blazer hitam atau warna gelap serta kasut kerja.

Manakala kod pakaian bagi institusi-pengajian tinggi adalah baju lengan panjang (bagi mahasiswa),

Baju Kurung dan tudung (bagi mahasiswi) dan berpakaian kemas dan sopan. Sementara itu, kod pakaian penuntut-penuntut / murid-murid sekolah adalah pakaian seragam sekolah masing-masing (*school uniform*).

Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat dalam pada itu tidak membenarkan pakaian seperti topi / *cap*, baju lengan pendek, baju 'T', baju sukan, seluar *jeans*, seluar pendek, seluar sukan, *skirt* pendek, *leggings*, sandal dan selipar.

Selain itu, ketika sidang sedang berjalan mereka yang hadir ditegah merokok sama ada di luar mahupun di dalam kawasan bangunan Dewan Persidangan; mengambil gambar di dalam Dewan Persidangan semasa persidangan sedang dijalankan adalah ditegah kecuali pihak-pihak yang telah diberikan kebenaran sahaja; orang ramai / pelawat yang hadir untuk mendengar perbahasan ditegaskan untuk mengaktifkan telefon bimbit kepada *silent mode* semasa berada di dalam Dewan Persidangan.

Orang ramai / pelawat juga ditegah membawa benda-benda berbahaya yang boleh mengancam keselamatan Dewan Persidangan; bercakap-cakap dan membuat bisbing adalah ditegah semasa persidangan dijalankan; makan dan minum adalah tidak dibenarkan di dalam Dewan Persidangan MMN; dan mematuhi tatacara masuk dan keluar Dewan Persidangan semasa persidangan sedang dijalankan.

Manakala itu, pakaian bagi Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim

Permesyuaratan Ke-20 MMN pada tahun ini untuk Ahli Yang Berhormat, mestilah memakai pakaian seragam (*uniform*) dengan Bintang-bintang dan Pingat-pingat Kehormatan (untuk Menteri-menteri Kabinet); pakaian seragam (*uniform*) atau pakaian kebangsaan hitam dengan bertajak (daster) berserta Bintang-bintang dan Pingat-pingat Kehormatan; dan Baju Kurung hitam (bagi wanita) berserta dengan Bintang-bintang dan Pingat-pingat Kehormatan.

Seterusnya bagi jemputan khas, pakaian seragam (*uniform*) bagi Wazir-wazir, Cheteria-cheteria, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Diraja, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja, Timbalan-

timbangan Menteri, Ahli-ahli Majlis Ugama Islam; dan jemputan khas yang tidak mempunyai pakaian seragam (*uniform*) yang diberikan keistimewaan kedudukan di atas dais ialah berpakaian hitam (bersongkok) bersama Bintang-bintang dan Pingat-pingat Kehormatan.

Jemputan-jemputan yang lain hendaklah memakai pakaian kebangsaan hitam atau *lounge suit* gelap dan bertudung. Bagi sebarang pertanyaan sila hubungi, Urus Setia Persidangan MMN, Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat melalui talian, +673 2380501 manakala nombor faks, +673 2385500 atau laman sesawang www.majlis-mesyuarat.gov.bn.

NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

Fikir sebelum beli

"buleh percaya kan tu?"

"mun barang anda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"

Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- ☒ Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- ☒ Dapatkan resit rasmi.
- ☒ Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- ☒ Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna

PERKHIDMATAN SMS TABUNG DANA PEMBINAAN MASJID DILANCARKAN

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Alishahrin Haji Mumin



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pelancaran Perkhidmatan SMS Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid (kiri), manakala gambar atas, Yang Berhormat menerima sumbangan daripada DST Sendirian Berhad untuk Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam. Sementara gambar bawah kanan, sebahagian yang hadir pada majlis berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 27 Februari. - Orang ramai sekali lagi berpeluang untuk menyumbang ke Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam (NBD) melalui Perkhidmatan Pesanan Ringkas atau SMS bagi tempoh selama 10 bulan, bermula hari ini hingga 24 Jamadilakhir 1446H bersamaan 26 Disember 2024.

Sumbangan seangkat-angkat hati boleh diberikan melalui perkhidmatan SMS dengan menaip **MASJID**, diikuti 100, 50, 20, 15, 10, 5 atau 1 tanpa jarak dan hantar ke talian 38111 bagi pengguna DST dan Progresif, manakala 39999 bagi pengguna Imagine Sendirian Berhad.

Sehubungan itu, Majlis Pelancaran Perkhidmatan SMS Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid berlangsung petang tadi di Dewan Multaqa, Aras Bawah, Bangunan Tambahan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya melancarkan majlis tersebut, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengutipan dan Pengeluaran Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid NBD.

Mengiringi tetamu kehormat bagi

Pelancaran Perkhidmatan SMS Tabung Dana tersebut ialah Ketua Pegawai Eksekutif DST Sendirian Berhad, Radin Sufri Radin Basiuni; Ketua Pegawai Pentadbiran, Progresif Sendirian Berhad, Abdul Hakeem bin Haji Basir; dan wakil dari Imagine Sendirian Berhad, Awang Mohamed Hazman bin Dato Paduka Haji Awang Othman.

Turut mengiringi ialah Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri, selaku Ketua Urusetia Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid NBD.

Majlis Pelancaran Perkhidmatan SMS tersebut diserikan dengan tayangan video klip Promo Perkhidmatan SMS Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid NBD, diikuti dengan acara penghantaran sumbangan melalui SMS beramai-ramai oleh para hadirin.

Kemudian acara diteruskan dengan Majlis Penerimaan Kutipan Sumbangan Perkhidmatan SMS Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid NBD bagi Tahun 2023.

Sejumlah BND245,448 telah berjaya dikutip melalui penerimaan sumbangan perkhidmatan pesanan ringkas SMS Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid NBD, yang telah dibuka selama 9 bulan bermula 21 Mac 2023 hingga 20 Disember 2023 yang lalu.

Ketua Pegawai Eksekutif DST Sendirian Berhad menyerahkan sumbangan daripada kutipan

SMS sebanyak BND210,619 dan diselajurkan dengan penyampaian sumbangan daripada DST Sendirian Berhad sebanyak BND10,000 untuk Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid NBD.

Manakala Progresif Sendirian Berhad yang diwakili Ketua Pegawai Pentadbiran, telah menyerahkan sebanyak BND31,858 dan Imagine Sendirian Berhad yang diwakili oleh Awang Mohamed Hazman telah menyerahkan BND2,971 yang mana setiap jumlah tersebut adalah kutipan yang berjaya dikumpul sepanjang tempoh kutipan dibukakan.

Sejak Perkhidmatan Kutipan Sumbangan Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid NBD dibuka melalui SMS dari tahun 2015 hingga tahun 2023, Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid telah berjaya mengutip sebanyak BND1,907,331.

Adapun Penubuhan Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid NBD adalah dihasratkan menjadi wadah kekal bagi orang-orang Islam untuk menabung pahala dengan membina masjid, sekali gus sebagai satu peluang keemasan untuk bertanam saham di akhirat.

Pelancaran dana tersebut memberi peluang kepada umat Islam di negara ini untuk menginfakkan (membelanjakan) harta yang dimiliki



dengan niat sebagai ibadah dan melipatgandakan amal kebajikan semata-mata bagi meraih ganjaran pahala yang dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada orang-orang yang membina masjid.

Sehingga bulan Januari 2024, baki keseluruhan Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid NBD ialah sebanyak BND25,338,123.27.

Sejak awal penubuhan Tabung Dana sehingga kini, Tabung Dana telah berjaya melaksanakan dua buah projek pembinaan masjid baharu, dan tiga buah projek pemuliharaan dan ketika ini, sebuah projek pembinaan masjid

baharu iaitu Masjid Kampung Junjongan dan dua buah projek tambahan bangunan sedang giat dilaksanakan, iaitu Masjid Kampung Sungai Buloh dan Masjid Kampung Kupang, dan projek seterusnya ialah pembinaan Masjid Baharu Kampung Ukong di Daerah Tutong.

Kemajuan yang dicapai merupakan sambutan, komitmen dan sumbangan seangkat hati orang ramai terhadap Tabung Dana ini dengan niat untuk mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala jua. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala menerima segala amalan kita semua.

سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

PENTING

SILA LENGKAPKAN PROFIL PSCR 2.0 AWDA DENGAN BETUL DAN TERATUR

BARU



IMPAK PROFIL PSCR 2.0 YANG TIDAK LENGKAP

- ✗ Permohonan tidak akan diproses.
- ✗ Maklumat yang dihidapkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.

Laman Utama > Dashboard Saya > Status Permohonan Kerja


TIDAK DIPERAKUKAN

DIANTARA SEBAB-SEBAB PROFIL PSCR 2.0 TIDAK LENGKAP / TERATUR

- ✗ Melengkapkan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul. sebagai contoh: mengemaskini pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi
- ✗ Tidak memuatnaik transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan. sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education dan lain-lain
- ✗ Tidak melengkapkan Pengalaman Kerja Kerajaan dengan lengkap. memasukkan tangga gaji / tempoh perkhidmatan yang salah
- ✗ Tidak mengemaskini ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhidmatan awam.

Sila sahkan bahawa maklumat di dalam profil adalah lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapi permohonan bagi jawatan yang dipohon.

Memahami bahawa maklumat profil yang tidak lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapi permohonan jawatan kosong boleh mengakibatkan tidak menepati kelayakan seperti di dalam iklan, maka dengan sendirinya permohonan tidak akan diproses.



YSHHB HULUR SUMBANGAN LEBIH BND80,000

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II; Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyampaikan sumbangan kewangan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah kepada para penerima (atas kanan, atas dan bawah kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 26 Februari. - Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) menyampaikan sumbangan berjumlah BND86,300 kepada keluarga-keluarga yang ditimpa musibah kebakaran dan rumah roboh; serta sumbangan kepada masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat di seluruh negara pada Majlis Penyampaian Sumbangan yang diadakan di Dewan An-Naura, Tingkat 2, Kompleks YSHHB, di sini.

Sumbangan berjumlah BND78,500 keseluruhannya disampaikan kepada 73 buah masjid, surau dan balai ibadah di seluruh negara untuk mengadakan majlis dan aktiviti takmir khususnya bagi sepanjang bulan Ramadan 1445 Hijrah yang akan datang.

Dalam usaha menyokong peranan masjid untuk meningkatkan dan mengembangkan syiar Islam, YSHHB memberikan bantuan dan sumbangan kepada sebahagian masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara bagi mengadakan majlis dan aktiviti takmir masjid, surau dan balai ibadat.

Penyampaian sumbangan kewangan YSHHB bagi masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat di Daerah Brunei dan Muara dan Daerah Tutong, disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB.

Bagi Daerah Belait dan Daerah

Temburong pula, sumbangan kewangan YSHHB disampaikan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB.

Sumbangan berkenaan diserahkan kepada imam-imam dan para pegawai masjid berkenaan.

Sementara itu, enam buah keluarga yang ditimpa musibah kebakaran rumah dan rumah roboh di beberapa buah kampung di seluruh negara menerima sumbangan berjumlah BND7,800 keseluruhannya.

Penyampaian sumbangan kewangan YSHHB berkenaan disempurnakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, selaku Ahli Lembaga Pengarah dan Pengerusi Jawatankuasa Meneliti Bantuan-bantuan YSHHB.

Para penerima yang mengalami musibah rumah roboh terdiri daripada Awang Ainul Iqmal bin Murni, dan Awang Mohd. Firdaus bin Murni dari Kampung Simbatang.

Manakala, para penerima yang mengalami musibah kebakaran pula ialah Awang Shahliyas bin Haji Sulaiman dari Kampung Bolkiah 'A'; Pengiran Hamdani bin Pengiran Duraman, Dayang Hajah Noraini binti Haji Bini dan Dayang Siti Nuratikah binti Jalil dari Kampung Serusop.

Selaras dengan dasar penubuhannya, YSHHB terus melaksanakan aktiviti kebajikan khususnya membantu mereka yang sangat memerlukannya.

Sumbangan berkenaan merupakan bantuan segera yang dihasratkan bagi meringankan beban keluarga mangsa yang terlibat dalam meneruskan kehidupan harian mereka.

Penubuhan YSHHB ialah



sebagai wadah amal jariah atau derma khairat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan ahli kerabat baginda, iaitu sebagai tanda pemedulian dan kasih baginda kepada rakyat baginda di samping menjadi pembentukan masyarakat di Negara Brunei Darussalam yang

sejahtera dan makmur.

Hadir sama pada majlis berkenaan ialah Penolong Pengarah Urusan Agensi Pelaburan Brunei, Awang Ahmad Jefri bin Abdul Rahman, selaku Pemangku Pengarah Urusan YSHHB.

Turut hadir, para pegawai kanan kerajaan yang berkenaan serta para pegawai YSHHB.



Doa Kesyukuran, membaca Surah Yaa Siin sempena Semarak HK

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Foto : Alishahrin Haji Mumin



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 26 Februari. - Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan jabatan-jabatan di dalamnya mengadakan Majlis Doa Kesyukuran dan Membaca Surah Yaa Siin sempena Semarak Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-40, Tahun 2024 petang tadi, bertempat di Surau, Tingkat 3, Island Block, bangunan kementerian berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Turut hadir, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid; Pemangku Setiausaha Setiausaha Tetap; Pengarah Urusan Brunei Darussalam Central



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II selaku tetamu kehormat pada Majlis Doa Kesyukuran dan Membaca Surah Yaa Siin sempena Semarak Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024 (atas dan kiri).

Bank; Timbalan Setiausaha Tetap; ketua-ketua jabatan dan bahagian; para pegawai kanan, pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan jabatan-jabatan di dalamnya.

Majlis didahului dengan Solat Sunat Hajat, diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sebelum diakhiri dengan Solat Fardu Asar Berjemaah yang diimamkan oleh Imam Tingkat I,

Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Jerudong, Awang Haji Mohd. Amaluddin bin Haji Jamaluddin.

Semarak HK dilaksanakan sebagai salah satu acara sampingan bagi memeriahkan Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-40.

Di samping itu, majlis berkenaan juga bertujuan bagi memohon ke hadirat Ilahi agar NBD, raja,

rakyat dan penduduk serta segala isi di dalamnya dan seluruh teluk rantau dan jajahannya akan terus dikurniakan keberkatan dan sentiasa terpelihara dan diberkati oleh Allah Subhanahu Wata'ala di bawah kepimpinan adil laila bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam turun-temurun di atas takhta singgahsana.

...Majlis Khatam Al-Quran 40 Kali sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024...



YANG Berhormat Menteri Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran 40 Kali sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024 di Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Pandan (atas), manakala gambar kanan, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

BELAIT, Isnin, 26 Februari. - Majlis Khatam Al-Quran 40 Kali sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024 diadakan serentak di keempat-empat daerah, hari ini. Bagi Daerah Belait, majlis seumpamanya diadakan di Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Pandan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham

bin Haji Jaafar. Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Imam Masjid RPN Kampung Pandan, Awang Abdul Qayyum bin Haji Aminuddin diikuti dengan bacaan Khatam Al-Quran mulai dari Surah Ad-Dhuha hingga Surah Al-Masad yang diketuai oleh Tenaga Pengajar, Pejabat Unit Da'wah Daerah Belait, Awangku Abd. Qayum bin Pengiran Bakar.

Seterusnya bacaan Takhtim Al-Quran diketuai oleh guru-guru dari Jabatan Pengajian Islam dan diselenggarakan dengan bacaan Doa

Khatam oleh Awang Muhammad Irfan bin Haji Abdul, belia dari daerah ini.

Majlis kemudian diteruskan dengan Dikir Marhaban daripada Ahli Takmir Masjid RPN Kampung Pandan dan diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam yang dipimpin oleh Imam Masjid RPN Kampung Pandan.

Majlis tersebut melibatkan peserta yang terdiri daripada mahasiswa dan mahasiswi institusi pengajian tinggi, penuntut-penuntut

Daerah Belait

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Alishahrin Haji Mumin



Institusi Pendidikan Teknik Brunei (IBTE), penuntut-penuntut sekolah menengah, sekolah agama, ahli-ahli persatuan belia dan sukan serta pergerakan-pergerakan belia, Pelatih Pusat Pembangunan Belia, sukarelawan-sukarelawan, belia-belie masjid serta qari dan qariah.

Majlis ini diadakan adalah bertujuan untuk menyemarakkan lagi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, dengan pengisian-pengisian yang bermanfaat terutama dengan

pembacaan Al-Quran selaras dengan hasrat negara untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir.

Selain itu, ia secara tidak langsung akan dapat mempertingkatkan dan mengukuhkan lagi persefahaman serta kerjasama di antara agensi-agensi yang terlibat dalam pembangunan dan tarbiah belia serta masyarakat ke arah menggalakkan penglibatan belia dan masyarakat dalam aktiviti keagamaan.

Daerah Tutong

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman



TUTONG, Isnin, 26 Februari. - Seramai lebih 1,650 peserta terlibat dalam Majlis Khatam Al-Quran 40 Kali sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024 yang diadakan serentak di seluruh negara hari ini.

Majlis anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) tersebut disertai oleh mahasiswa dan mahasiswi institusi pengajian tinggi, penuntut-penuntut Institut Pendidikan Teknik Brunei (IBTE), penuntut-penuntut sekolah menengah, sekolah agama, ahli-ahli persatuan belia dan sukan serta pergerakan-pergerakan belia, Pelatih Pusat Pembangunan Belia, sukarelawan-sukarelawan, belia-belie masjid serta qari dan qariah.

Bagi Daerah Tutong, majlis tersebut diadakan di Masjid Rancangan Perumahan Negara

(RPN) Bukit Beruang, di sini. Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman. Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai dipimpin oleh Imam Masjid RPN Bukit Beruang, Awang Muhammad Aisamuddin bin Haji Selaman.

Atur cara majlis diteruskan dengan bacaan Khatam Al-Quran mulai dari Surah Ad-Dhuha hingga Surah Al-Masad, bacaan Takhtim Al-Quran dan Doa Khatam, masing-masing diketuai oleh Awang Muhd. Farid Hamizan bin Mohd. Nor Hasrin; Awang Muhd. Syazwan bin Samri dan Awangku Abdul Hafiz Darwisy bin Pengiran Saharuddin dari Ma'had Islam Brunei.

Majlis juga diserikan dengan Dikir Marhaban diketuai oleh Ahli



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran 40 Kali sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024 di Masjid Rancangan Perumahan Negara Bukit Beruang.

Jawatankuasa Takmir Masjid, Masjid RPN Bukit Beruang dan diakhiri dengan bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Selamatkan Negara Brunei Darussalam oleh Imam masjid berkenaan.

Antara lain tujuan majlis seumpamanya diadakan adalah untuk menyemarakkan lagi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024 dengan pengisian-pengisian yang bermanfaat terutama dengan pembacaan Al-Quran selaras dengan hasrat negara untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir.

Secara tidak langsung ia juga dihasratkan akan dapat mempertingkatkan dan mengukuhkan persefahaman serta kerjasama di antara agensi-agensi yang terlibat dalam pembangunan dan tarbiah belia dan masyarakat,

khususnya sebagai usaha ke arah menggalakkan penglibatan belia

dan masyarakat dalam aktiviti keagamaan.



ANTARA yang hadir pada majlis tersebut (atas kiri dan atas).

HAYATI PERISTIWA ISRAK, MIKRAJ

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 27 Februari. - Majlis Sambutan Israk dan Mikraj bagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan Jabatan-jabatan di dalamnya bagi Tahun 1445H / 2024M kelolaan Jabatan Penjara diadakan petang tadi bertempat di Dewan Serbaguna Tingkat 6, Bangunan KHEDN, di ibu negara.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman.

Majlis Sambutan Israk dan Mikraj terdahulu dimulai dengan persembahan bacaan Al-Quran oleh Wadar 659 Awang Emirul bin Haji Kamis.

Pengisian majlis pula disemarakkan lagi dengan Ceramah Khas bertemakan 'Ibrah

Peristiwa Israk dan Mikraj : Jaga Solat' yang disampaikan oleh penceramah undangan, Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Awang Najib bin Haji Awang.

Dalam ceramahnyanya beliau menyentuh mengenai peristiwa Israk dan Mikraj yang merupakan mukjizat dan anugerah agung yang dihadiahkan kepada Baginda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, apabila menerima perintah kewajipan sembahyang lima waktu, dan pentingnya untuk menjaga solat agar Allah Subhanahu Wata'ala akan menjaga kita di dalam kehidupan duniawi dan ukhrawi.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Ketua Guru Agama, Institusi Penjara Maraburong Fasa 1, Awang Azmi bin Haji Ahmad dan seterusnya menunaikan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah.

Hadir sama pada majlis tersebut, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara dalam kalangan penghulu mukim dan ketua-ketua kampung; Setiausaha-setiausaha Tetap; Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap di KHEDN; ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, serta pegawai-pegawai dan kakitangan KHEDN.

BACAAN Al-Quran oleh Wadar 659 Awang Emirul bin Haji Kamis (kiri), manakala gambar kanan, antara yang hadir pada majlis tersebut.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Israk dan Mikraj bagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan-jabatan di dalamnya bagi Tahun 1445H / 2024M.



...Majlis Khatam Al-Quran 40 Kali sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024...



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

TEMBURONG, Isnin, 26 Februari. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) menganjurkan Majlis Khatam Al-Quran 40 Kali sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024 secara serentak di kesemua daerah, hari ini.

Majlis ini melibatkan lebih 1,650 peserta di keempat-empat daerah yang terdiri daripada mahasiswa dan mahasiswi institusi pengajian tinggi, penuntut-penuntut Institusi Pendidikan Teknik Brunei (IBTE), penuntut-penuntut sekolah menengah, sekolah agama, ahli-ahli persatuan belia dan sukan serta pergerakan-pergerakan belia, pelatih Pusat Pembangunan Belia, peserta Program Belia Cinta Tanah Air, sukarelawan - sukarelawan, belia-belai masjid, qari dan qariah.

Bagi Daerah Temburong, majlis tersebut diadakan di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, di sini. Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dikepalai oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Utama Mohammad Salleh, Haji Awang Safrillah bin Haji Ahmad, diikuti dengan bacaan Khatam Al-Quran mulai dari Surah Ad-Dhuha hingga Surah Al-Masad yang diketuai oleh penuntut Sekolah Arab Temburong, Awang Muhammad Muizzuddin bin Mohammad Jamalludin dan diteruskan dengan bacaan Takhtim Al-Quran diketuai oleh Imam Masjid

Di Daerah Temburong, majlis tersebut diadakan di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar dan hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Yang Mulia Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri.

Utama Mohammad Salleh Pekan Bangar, Awang Norezam bin Zaini. Doa Khatam pula dibacakan oleh Belia Permata Hijau, Awang Muhammad Iffat Imani bin Husaini dan seterusnya Dikir Marhaban diketuai oleh Imam Masjid Utama Mohammad Salleh Pekan Bangar. Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Utama Mohammad Salleh Pekan Bangar.


Majlis ini diadakan adalah untuk menyemarakkan lagi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024 dengan pengisian-pengisian yang bermanfaat terutama dengan pembacaan Al-Quran selaras dengan hasrat negara untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir.

Secara tidak langsung majlis seumpama ini juga dihasratkan dapat mempertingkatkan dan mengukuhkan persefahaman serta kerjasama di antara agensi-agensi yang terlibat dalam pembangunan dan tarbiah belia dan masyarakat khususnya sebagai usaha ke arah menggalakkan penglibatan belia dan masyarakat dalam aktiviti keagamaan.

Daerah Temburong



ANTARA yang hadir pada Majlis Khatam Al-Quran 40 Kali sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024 di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar (atas dan bawah).



MAJLIS RESEPSI SEMPENA ULANG TAHUN MAHARAJA JEPUN KE-64

YANG Berhormat Menteri Pendidikan semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Resepsi sempena Ulang Tahun Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maharaja Naruhito, Maharaja Jepun Ke-64 yang berlangsung di The Rizqun International Hotel (kanan dan bawah kanan).

GADONG, Selasa, 27 Februari. - Kedutaan Besar Jepun di Negara Brunei Darussalam (NBD), malam tadi mengadakan Majlis Resepsi sempena Ulang Tahun Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maharaja Naruhito, Maharaja Jepun Ke-64 yang berlangsung di The Rizqun International Hotel, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Resepsi tersebut ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke NBD, Tuan Yang Terutama Maeda Toru dalam ucapannya antara lain menyentuh mengenai Ulang Tahun Hubungan Diplomatik Ke-40 antara Jepun dan NBD yang merupakan peristiwa penting bagi kedua-dua buah negara.




Tuan Yang Terutama Maeda Toru juga menjelaskan, 40 tahun yang lalu telah menyaksikan pelbagai pertukaran antara rakyat dengan rakyat dalam bidang perniagaan, pelancongan, budaya, penyelidikan dan pendidikan.

"Pelbagai program pertukaran seperti SSEAYP, JENESYS dan Nihongo Partners telah banyak menyumbang kepada pertukaran yang meluas ini. Bagi mempercepatkan lagi pertukaran antara rakyat dengan rakyat ini, kedua-dua kerajaan kini sedang memuktamadkan pengaturan

untuk melanjutkan tempoh bebas visa bagi pemegang pasport biasa kedua-dua negara daripada 14 hari kepada 30 hari," tambah TYT Maeda Toru.

Juga hadir pada majlis itu, para pegawai kanan kerajaan, ahli perniagaan, pihak media, Ahli-ahli Diplomatic Corps dan penduduk Jepun di negara ini. Majlis turut dimeriahkan dengan pameran yang disediakan oleh Syarikat Jepun yang beroperasi di NBD untuk berkongsi pencapaian dan aktiviti semasa kepada tetamu yang hadir.

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



Kursus Bahasa Turkiye kini ditawarkan kepada orang ramai

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman



PENGETUA PSB, Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong hadir selaku tetamu kehormat pada majlis perasmian tersebut.

BANDAR SERIBEGAWAN, Selasa, 27 Februari. - Kursus Bahasa Turkiye kini ditawarkan untuk orang awam buat pertama kali melalui institusi kerajaan, hasil kerjasama Kedutaan Republik Turkiye di Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Pusat Sejarah Brunei (PSB). Sehubungan itu, majlis perasmian telah berlangsung hari ini di Galeri Sejarah, PSB, di ibu negara.

Bagi memulakan majlis, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Turkiye ke NBD, Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Hamit Ersoy menyampaikan ucapan aluan yang menyentuh mengenai permintaan yang meningkat untuk Bahasa Turkiye khususnya dalam kalangan rakyat di negara ini.

Kursus Bahasa Turkiye dianjurkan dan difasilitasi oleh Institut Yunus Emre (YEE) tersebut, menurutnya akan diadakan secara berkala di PSB, bergantung kepada sambutan dan permintaan, dengan kemungkinan menyediakan hari kursus yang berbeza untuk menampung jadual yang berbeza,

seperti hujung minggu sektor swasta.

"Pembelajaran bahasa adalah seperti kunci untuk membuka kunci pemahaman yang lebih baik tentang sejarah, budaya, adat dan tradisi masyarakat. Atas sebab-sebab ini, kursus-kursus bahasa adalah bermakna dan sumbangan penting untuk menyatukan rakyat Brunei dan Turkiye," tambahnya.

Tuan Yang Terutama juga berkata bahawa sambutan terhadap kursus bahasa tersebut adalah menggalakkan kerana ia memudahkan pertukaran budaya antara rakyat yang seterusnya menggalakkan persefahaman bersama yang lebih erat dan membolehkan ikatan yang lebih bermakna untuk berkembang, sambil menambah bahawa perkembangan sedemikian membantu kemajuan dan kesinambungan kerjasama dua hala yang berkesan yang boleh membuahkan hasil yang bermakna.

"Khususnya, kursus-kursus ini telah membantu membuka jalan bagi pertukaran pendidikan dan kebudayaan selanjutnya antara Brunei dan Turkiye," jelasnya.

Kursus Bahasa Turkiye tersebut akan disampaikan oleh Penyelaras YEE bagi Brunei, Madame Lale Ersoy serta Pengajar Bahasa Turkiye YEE, Awang Sahabettin Dalar. Setelah lulus penilaian akhir penggal, peserta akan menerima



TUAN Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Turkiye ke Negara Brunei Darussalam semasa berucap.

sijil yang diiktiraf secara meluas daripada YEE.

Hadir selaku tetamu kehormat, Pengetua PSB, Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong. Juga hadir pegawai-pegawai dan kakitangan PSB dan Dewan Bahasa dan Pustaka, serta pelajar-pelajar baharu dan bekas pelajar Bahasa Turkiye.

Pada masa ini terdapat Kursus Bahasa Turkiye yang diadakan di Jabatan Perdana Menteri; Kementerian Pertahanan; Universiti Brunei Darussalam; Universiti Islam Sultan Sharif Ali; Universiti Teknologi Brunei; Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan; Sekolah Menengah Jamalul Alam; Institut Pendidikan Teknikal Brunei, dan juga di Embassy Chancery.

Selamatkan Usus Awda.
Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

***Sasaran pemeriksaan:**
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

PENGESAHAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

Selamatkan Usus Awda

MENGGALAKKAN PELBAGAI EKONOMI MELALUI PEMBANGUNAN INDUSTRI, SEKTOR BAHARU

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

TUNGKU LINK, Isnin, 26 Februari. - Negara Brunei Darussalam (NBD) telah mencapai kemajuan yang ketara menerusi kepelbagaian ekonomi sepanjang dekad yang lalu ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035.

Pelbagai dasar dan inisiatif dilaksanakan untuk mengurangkan kebergantungan kepada minyak dan gas dengan mewujudkan ekonomi yang lebih pelbagai, berdaya tahan dan mampan.

Usaha berkenaan telah membuahkan hasil positif, dengan sektor bukan minyak dan gas menyumbang bahagian yang semakin meningkat dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara.

Setiausaha Tetap (Wawasan), Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Hajah Siti Nirmala binti Pengiran Haji Mohamad, menyatakan perkara demikian dalam ucapannya selaku tetamu kehormat majlis pada Forum Brunei yang berlangsung di

Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam, di sini.

"Salah satu strategi utama yang telah diguna pakai oleh NBD untuk menggalakkan kepelbagaian ekonomi adalah melalui pembangunan industri dan sektor baharu seperti pelancongan, industri halal, ICT dan pembuatan.

"Sektor-sektor ini bukan sahaja menyediakan sumber pendapatan baharu tetapi juga menjana peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan.

"NBD juga telah menumpukan usaha untuk meningkatkan persekitaran perniagaannya dalam menarik pelaburan langsung asing dan menggalakkan keusahawanan," kata Pengiran Hajah Siti Nirmala.

Pembaharuan berkenaan tambahnya, telah dilaksanakan untuk menyelaraskan peraturan perniagaan, menambah baik infrastruktur dan menyediakan insentif untuk pelaburan.

Langkah-langkah ini jelasnya, telah membantu mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk perniagaan berkembang maju dan

menyumbang kepada matlamat kepelbagaian ekonomi negara.

Pengiran Hajah Siti Nirmala seterusnya berkata, satu lagi elemen penting dalam pembangunan ekonomi NBD ialah penekanan terhadap pembangunan modal insan melalui pelaburan dalam program pendidikan dan latihan kemahiran untuk melengkapkan tenaga kerjanya dengan kemahiran, pengetahuan dan kepakaran yang diperlukan untuk industri baru muncul.

"Tumpuan kepada pembangunan modal insan ini memastikan NBD mempunyai tenaga kerja yang berdaya saing dan berkemahiran yang boleh memacu inovasi dan produktiviti dalam sektor bukan minyak dan gas.

"Alhamdulillah, NBD secara keseluruhan, telah mencapai kemajuan yang memberangsangkan ke arah mencapai tiga matlamat Wawasan Brunei 2035, melalui Whole of Nation efforts, daripada pihak kerajaan, sektor swasta, organisasi bukan kerajaan (NGO) dan rakyat," ujarnya.

Namun begitu, katanya, penambahbaikan berterusan dan langkah-langkah proaktif sedang dilakukan untuk mencapai impak transformatif menjelang tahun 2035.

Beliau seterusnya berkata bahawa NBD juga komited untuk mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) Pertubuhan

Bangsa-bangsa Bersatu menjelang 2030 yang bertujuan untuk menggalakkan dunia yang lebih mapan dan inklusif, membasmi kemiskinan, melindungi bumi ini dan memastikan kemakmuran untuk semua.

"NBD telah mencapai kemajuan ketara dalam mencapai SDG, khususnya dalam bidang pendidikan, penjagaan kesihatan, dan kemampanan alam sekitar," ujarnya.

Pengiran Hajah Siti Nirmala juga menjelaskan bahawa NBD telah melaksanakan pelbagai dasar dan inisiatif untuk menangani isu-isu berkenaan dan meningkatkan kesejahteraan rakyatnya termasuk melabur dalam program-program kebajikan sosial, melaksanakan amalan pembangunan mampan, dan menggalakkan sistem pendidikan serta penjagaan kesihatan yang inklusif.

Menurutnya, JPM sebagai agensi tumpuan untuk memantau pelaksanaan SDG, sedang berusaha untuk melibatkan diri, mendidik, dan membolehkan lebih banyak kemapuan melalui pendekatan seluruh negara serta kerjasama antarabangsa.

"Walaupun NBD telah mencapai kemajuan ketara dalam kedua-dua Wawasan Brunei 2035 dan SDG, ini adalah perjalanan yang panjang dan terdapat keperluan untuk mengkaji dan menambah baik secara berterusan untuk memupuk inovasi dan



SETIAUSAHA Tetap (Wawasan), Jabatan Perdana Menteri (JPM) semasa berucap pada majlis berkenaan.

keusahawanan, meningkatkan keterangkuman sosial, dan menangani perubahan iklim dan kelestarian alam sekitar," katanya.

"Forum Brunei memberi peluang kepada mereka yang terlibat untuk menangani isu-isu penting yang berkaitan bagi mencapai Wawasan Brunei 2035 dan mendekatkan negara kepada SDG.

"Pelbagai isu akan dibentangkan pada forum berkenaan termasuk masa depan budaya dan warisan kita, infrastruktur ekonomi, gaya hidup dan biodiversiti," ujarnya lagi.



SETIAUSAHA Tetap (Wawasan), JPM hadir selaku tetamu kehormat pada Forum Brunei yang berlangsung di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam.

TUNGKU LINK, Isnin, 26 Februari. - Akademi Pengajian Brunei (APB), Universiti Brunei Darussalam (UBD) menganjurkan Forum Brunei bertujuan untuk menyediakan platform bagi membincangkan secara mendalam mengenai landskap kontemporari dan masa depan Negara Brunei Darussalam (NBD) dengan memberikan tumpuan kepada Wawasan Brunei 2035.

Forum yang bertemakan 'Brunei Today and Over the Next Thirty Years' berkenaan diadakan di UBD selama dua hari, bermula hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat, Setiausaha Tetap (Wawasan), Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Hajah Siti Nirmala binti Pengiran Haji Mohamad.

Pengarah APB, Dr. Haji

Tassim bin Haji Abu Bakar, dalam ucapannya menzahirkan harapan agar forum berkenaan akan dapat menyumbang kepada kejayaan kitani bersama dalam mencapai Wawasan Brunei 2035, melalui pembentangan, ilmu pengetahuan yang dikongsikan dan pandangan yang diperoleh daripada forum berkenaan.

"Melalui forum ini juga, diharap akan dapat memperkukuh APB serta kedudukan UBD di peringkat antarabangsa sebagai pusat penyelidikan akademik mengenai Brunei kontemporari, memperkukuh universiti dan meningkatkan Mendapan Bersama sebagai pusat serantau dan antarabangsa terutama dalam aspek penyelidikan mengenai Brunei," katanya.

Ucuptama pada hari pertama

forum berkenaan disampaikan oleh Pengarah Institut Alam Sekitar dan Kelestarian, Universiti Kebangsaan Singapura, Profesor Benjamin Cashore.

Forum berkenaan turut menampilkan sesi khas daripada dalam kalangan pemimpin perniagaan tempatan yang terdiri daripada Pengerusi Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif Belait Shipping Co. Sendirian Berhad, Haji Awang bin Haji Ali; Pengurus Besar SPHI Foods Sendirian Berhad, Awang Haji Ibrahim Khalili bin Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman dan Ketua Pegawai Eksekutif Dynamik Technologies Sendirian Berhad, Dayang Haslina binti Mohd. Taib.

Satu ceramah khas mengenai ekonomi dan wawasan turut disampaikan oleh Pensyarah di Fakulti Sastera dan Sains Sosial, UBD, Gabriel Yit Vui Yong, dengan tajuk 'Blue Urbanism Strategy to Climate Adaptation'.

Hari kedua forum berkenaan



PENGARAH APB, Dr. Haji Tassim bin Haji Abu Bakar dalam ucapannya (kiri), manakala gambar kanan, ucpatama pada hari pertama forum berkenaan disampaikan oleh Pengarah Institut Alam Sekitar dan Kelestarian, Universiti Kebangsaan Singapura, Profesor Benjamin Cashore.

mengetengahkan penceramah khas, iaitu Pegawai Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahuddin yang menyampaikan sesi khas bertajuk 'Transformasi Belia Brunei - Kecenderungan Terhadap Kegiatan Ugama dan Kemasyarakatan'.

Selain itu, wakil daripada para pemimpin belia dan Organisasi Bukan Kerajaan (NGO) turut berkongsi pemikiran dan pandangan dalam satu lagi sesi khas.

Para penceramah panel termasuk Pengasas Green Brunei, Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari; Pengasas Bersama Hand4Hand Brunei, Awang Haji Muhammad Iqbal Fakhri bin Haji Damit; Dayang Amal Kasibah binti Bahari daripada Belia Menentang Perhambaan dan Pengedaran Manusia; dan Ahli Jawatankuasa Tadbir Majlis Kesejahteraan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Intan binti Haji Mohd. Kassim.

Forum berkenaan juga



menampilkan 15 sesi pembentangan secara selari yang membolehkan para ahli akademik menyampaikan hasil dapatan dan pandangan mereka mengenai pelbagai tema, termasuk budaya dan pembangunan alam sekitar; pembangunan ekonomi dan keusahawanan; hubungan antarabangsa, belia dan pembangunan kapasiti; serta kesihatan dan penuaan.

Forum Brunei akan diakhiri dengan penyampaian rumusan penutup oleh Profesor Ooi Keat Gin dan Profesor Ampuan Dr. Haji Ibrahim bin Ampuan Haji Tengah.

Manakala, ucapan penutup disampaikan oleh Pengarah APB.

Forum Brunei 2024 diharap menjadi platform penting bagi menggalakkan kerjasama dan membentuk hala tuju dan masa depan NBD.

Hasil perbincangan yang dijalankan semasa forum berkenaan pastinya akan menyumbang kepada merealisasikan Wawasan Brunei 2035.



ANTARA yang hadir mendengarkan forum tersebut.



Puasa Nazar Pada Hari Yang Diharamkan Berpuasa

raya, hari Tasyriq atau hari kedatangan haidh atau nifas bagi perempuan. Ada kalanya pula, puasa yang dinazarkan itu jatuh pada waktu yang diwajibkan berpuasa Ramadhan. Perkara ini menimbulkan persoalan mengenai kedudukan puasa nazar pada hari-hari tersebut. Maka Irsyad Hukum kali ini akan menjelaskan mengenai nazar.

Antara contoh puasa nazar yang mungkin jatuh pada hari-hari yang diharamkan berpuasa nazar ialah seperti orang yang bernazar untuk berpuasa pada setiap hari Khamis, misalnya dia bernazar: "Kerana Allah wajib atasku berpuasa pada setiap hari Khamis seumur hidupku" atau dia bernazar: "Wajib atasku berpuasa pada setiap hari Khamis pada tahun 1446 hijrah." Pertembungan juga akan berlaku apabila dia bernazar untuk berpuasa setiap hari di sepanjang tahun yang ditentukannya dengan berkata: "Aku bernazar untuk berpuasa satu bulan penuh pada tahun 1446 hijrah" atau bernazar untuk berpuasa setiap hari pada bulan yang terkandung di dalamnya hari-hari yang diharamkan berpuasa dengan berkata: "Kerana Allah wajib atasku berpuasa satu bulan penuh pada bulan Syawwal tahun 1446 hijrah ini."

Orang yang bernazar untuk puasa dengan lafaz-lafaz nazar seperti di atas, wajib menunaikan puasa nazarnya itu. Walau bagaimanapun, dia wajib meninggalkan puasa nazar pada hari-hari yang diharamkan padanya berpuasa nazar iaitu bulan Ramadhan, kedua-dua hari raya serta ketiga-tiga hari Tasyriq.

Dalam hal ini, wajib meninggalkan puasa nazar pada bulan Ramadhan itu kerana dia wajib mengerjakan tuntutan puasa Ramadhan. Adapun wajib meninggalkan puasa nazar pada Hari Raya Fitrah, Hari Raya Adha dan ketiga-tiga hari Tasyriq adalah kerana dia wajib berbuka pada hari-hari tersebut. Puasa nazar yang ditinggalkan pada hari-hari berkenaan juga tidak perlu diqadha kerana ia tidak dikira dalam nazar.

Imam ar-Ramli *Rahimahullah* ada menjelaskan dalam kitabnya *Nihayah al-Muhtaj* mengenai kedudukan puasa nazar yang jatuh pada kedua-dua hari raya serta hari-hari Tasyriq. Menurut beliau, dia hendaklah melakukan puasa sepertimana yang dinazarkannya dan wajib berbuka pada kedua-dua hari raya serta hari-hari Tasyriq sepertimana katanya:

Ertinya: Dia (hendaklah) menunaikannya (puasa nazarnya sepertimana yang

diniatkannya) dan wajib berbuka pada Hari Raya Fitrah dan Adha serta hari-hari Tasyriq kerana ditegah puasa padanya (hari-hari tersebut).

Menurut Imam ar-Ramli *Rahimahullah* lagi, orang yang bernazar itu wajib meninggalkan puasa nazar dan berpuasa Ramadhan apabila puasa nazar itu jatuh pada bulan Ramadhan. Katanya:

Ertinya: Dan (hendaklah) dia (orang yang bernazar) berpuasa Ramadhan untuknya (Ramadhan) kerana (pada bulan Ramadhan) tidak diterima (puasa) selainnya (puasa Ramadhan).

Puasa nazar yang ditinggalkan pada hari-hari yang diharamkan padanya berpuasa nazar tidak perlu diqadha kerana hari-hari tersebut tidak dikira dalam nazar. Bahkan jika seseorang bernazar untuk berpuasa pada hari-hari tersebut, contohnya dia berkata: "Kerana Allah wajib atasku berpuasa pada hari-hari Tasyriq tahun ini", nazar tersebut adalah tidak sah.

Berlainan halnya sekiranya seseorang bernazar untuk berpuasa satu tahun tanpa menentukan tahunnya dengan mensyaratkan *muwalah* (berturut-turut), contohnya dia berkata: "Kerana Allah wajib atasku berpuasa satu tahun secara berturut-turut." Lafaz nazar sebegini mewajibkan dia berpuasa nazar setiap hari secara *muwalah* sehingga genap satu tahun iaitu dengan berpuasa penuh selama 12 bulan berturut-turut sekiranya dia mula berpuasa pada awal bulan atau berpuasa 360 hari berturut-turut sekiranya dia tidak memulakan puasa nazarnya pada awal bulan. Oleh kerana dalam 12 bulan atau 360 hari itu pasti terkandung di dalamnya hari-hari yang diharamkan padanya berpuasa nazar, maka puasa nazarnya itu belum mencukupi bilangan 12 bulan atau 360 hari kerana dia wajib meninggalkan puasa nazar pada hari-hari yang diharamkan padanya berpuasa nazar itu.

Dalam hal ini, sekiranya dia tidak mengerjakan puasa nazarnya dari awal bulan, dia wajib menqadha puasa nazar yang tidak dikerjakan pada bulan Ramadhan dan hari-hari yang diharamkan padanya berpuasa dengan serta merta sebaik sahaja berlalu 360 hari dari hari dia memulakan puasa nazarnya. Ini bererti, qadha tersebut hendaklah dikerjakan pada hari ke 361 dari hari dia memulakan puasa nazarnya sehingga genap jumlah dia berpuasa nazar 360 hari (setahun). Sebagai contoh, dia memulakan puasa nazar yang setahun itu

pada 15 Muharram 1445 hijrah, lalu hari yang ke 360 bagi puasanya itu jatuh pada 20 Muharram 1446 hijrah. Maka dalam hal ini, dia wajib mengqadha hari-hari yang tidak dikerjakan puasa nazar itu dengan serta merta pada hari yang ke 361 iaitu pada 21 Muharram 1446 hijrah.

Sekiranya dia mengerjakan puasa nazarnya dari awal bulan pula, sebagai contoh dia mula berpuasa pada 1 Safar 1446 hijrah, maka hari terakhir bulan Muharram 1447 hijrah adalah hari terakhir bagi kiraan setahun bagi puasa nazarnya itu. Oleh kerana puasa nazarnya terluput beberapa hari disebabkan bulan Ramadhan, kedua-dua hari raya serta hari-hari Tasyriq, maka dia wajib mengqadha hari-hari yang tidak dikerjakan puasa nazar itu bermula pada 1 Safar 1447 hijrah.

Perkara ini ada disebut oleh Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* dalam kitabnya *Tuhfah al-Muhtaj*:

Ertinya: Dan (hendaklah) dia mengqadhanya, iaitu (puasa nazar yang luput pada) bulan Ramadhan, hari raya dan hari Tasyriq, kerana dia telah menetapkan untuk berpuasa satu tahun (tanpa menentukan tahunnya) dan dia tidak mengerjakannya. (Qadha itu dikerjakan) secara berturut-turut iaitu mutawaliyah, bersambung dengan penghujung tahun sebagai melaksanakan syaratnya iaitu berturut-turut.

Walaupun bagaimanapun, sekiranya orang tersebut meniatkan untuk hanya mengerjakan puasa nazar pada hari-hari yang dibolehkan mengerjakan puasa nazar sahaja, contohnya dia berkata: "Kerana Allah wajib atasku berpuasa setahun secara berturut-turut pada hari-hari yang dibolehkan berpuasa nazar," maka puasa nazar yang tidak dikerjakan pada bulan Ramadhan, kedua-dua hari raya serta hari-hari Tasyriq itu tidak wajib diqadha.

Adapun bagi perempuan yang datang haidh atau nifas pada hari yang dinazarkannya untuk berpuasa, haram dia mengerjakan puasa nazar pada hari tersebut. Walau bagaimanapun, puasa nazar itu dikira gugur daripada tanggungannya kerana puasa ketika haidh dan nifas adalah tidak sah dan ia tidak wajib diqadha kerana tidak dikira dalam nazar. *Muwalah* yang diniatkan dalam puasa nazar juga tidak terputus, maka dari itu dia tidak perlu *isti'naf* atau memulakan semula puasanya.

Demikian penjelasan mengenai puasa nazar pada hari yang diharamkan berpuasa.

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, shalawat dan salam ke atas Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

AMALAN bernazar merupakan salah satu cara yang disyariatkan dalam Islam untuk mendekatkan diri kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Apabila seseorang bernazar, dia telah mewajibkan ke atas dirinya suatu *qurbah* iaitu ibadah sunat yang dilakukan dengan tujuan mendekatkan diri kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* yang pada asalnya tidak wajib.

Nazar wajib ditunaikan sebagaimana firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

Tafsirnya: Kemudian hendaklah mereka membersihkan diri (bertahallul) dan menyempurnakan nazar-nazar mereka.

(Surah al-Hajj: 29)

'Aisyah *Radhiyallahu 'anha* berkata bahawa Nabi *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

Maksudnya: Sesiapa bernazar untuk mentaati Allah, maka hendaklah dia mentaatinya (tunaikanlah nazar itu), dan sesiapa bernazar untuk menderhakainya, maka janganlah dia menderhakainya (janganlah dia menunaikan nazar itu).

(Hadits riwayat al-Bukhari)

Antara contoh *qurbah* yang sah dijadikan nazar ialah bersedekah, sembahyang sunat, puasa sunat, berwaqaf dan sebagainya. Mengenai nazar puasa, adakala orang bernazar itu menetapkan untuk puasa pada suatu hari, bulan atau tahun yang tertentu. Dalam beberapa keadaan, ada kalanya puasa yang dinazarkan itu jatuh pada hari-hari yang diharamkan berpuasa iaitu hari

Ilmu pelengkap diri

melainkan Dia yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana".

Dalam Islam, kita telah dituntut dan diamanahkan untuk menerapkan pengetahuan ilmu agama kepada anak-anak sedari kecil, seperti kata pepatah 'melentur buluh biarlah dari rebungnya'. Sudah menjadi tanggungjawab ibu bapa untuk menjaga dan melaksanakan amanah dari Allah *Subhanahu Wata'ala* dengan sebaik-baiknya dengan memberikan pendidikan yang seimbang antara duniawi dan ukhrawi sesempurnanya yang termampu. Dengan pendidikan ilmu inilah yang akan membantu untuk membentuk dan menetapkan jati diri anak-anak tersebut untuk menjadi Muslim sebenar yang sejati.

Tanpa ilmu pengetahuan, manusia akan hidup dalam kegelapan dan kejahilan. Tidak mampu membezakan antara yang benar atau yang batil dan semestinya tidak akan pernah maju tanpa adanya ilmu. Hanya dengan ilmulah seseorang akan terhindar dan terselamat dari tipu daya syaitan. Seperti apa yang tertulis dalam firman Allah *Subhanahu Wata'ala* dalam Surah Faathir, ayat 28 yang

mafhumnya :

"...Sesungguhnya yang takut kepada Allah di kalangan hamba-hamba-Nya hanyalah ulama..."

Ulama yang dimaksudkan dalam ayat tersebut ialah orang-orang yang mengetahui sifat kebesaran dan kekuasaan Allah *Subhanahu Wata'ala* atau dengan erti kata lain adalah orang-orang yang mempunyai ilmu pengetahuan dalam ugama khususnya Islam. Oleh itu dengan ilmu juga mampu membuatkan diri dan hati kita lebih dekat dengan Allah *Subhanahu Wata'ala*.

Terlalu banyak manfaat dan kepentingan ilmu yang disebut dalam Al-Quran. Allah *Subhanahu Wata'ala* dalam Surah Al-Baqarah, ayat 269 mafhumnya :

"Allah mengurniakan hikmah kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya. Dan sesiapa yang dikurniakan hikmah itu, maka sesungguhnya dia telah dikurniakan kebajikan yang banyak. Dan tiadalah yang dapat mengambil pengajaran melainkan orang-orang yang mempunyai akal (yang dapat memikirkan dan memahaminya)".

Allah *Subhanahu Wata'ala* juga ada berfirman dalam Surah Az-Zumar, ayat 9 mafhumnya :

"...Katakanlah : "Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui?" Sesungguhnya orang-orang yang mengambil pengajaran hanyalah orang yang mempunyai akal (yang dapat memikirkan dan memahaminya)".

Ayat tersebut memberi penerangan yang jelas mengenai perbezaan yang amat ketara antara orang yang mempunyai ilmu dengan yang tidak berilmu. Sebagai kesimpulan, Allah *Subhanahu Wata'ala* menyebutkan betapa tingginya martabat orang yang berilmu. Semoga kita tergolong daripada kalangan orang-orang yang sentiasa ditambahkan ilmu pengetahuan, mempunyai fahaman para Nabi, ilmu hafazan para Rasul, mempunyai ilham para Malaikat dan memperoleh keafiatan daripada Allah *Subhanahu Wata'ala* dan seterusnya akan mendapat kejayaan hidup di dunia dan di akhirat sepertimana dalam Surah Al-Mujadalah, ayat 11 mafhumnya :

"...Nescaya Allah meninggikan orang-orang yang beriman antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama beberapa darjat..."

(Surah Al-Mujadalah, ayat 11)

منوجو كريضاءن الله
MENUJU KEREDAAAN ALLAH
كلولأن قوسمة دعوه اسلاميه

ILMU adalah cahaya dan hidayah yang menerangi kehidupan manusia dari kegelapan dan kejahilan. Pentingnya ilmu dalam kehidupan sehari-hari sudah tidak dapat dipertikaikan lagi. Sesungguhnya hukum menuntut ilmu adalah wajib dalam kehidupan seorang Muslim, kerana kunci bagi sebuah kejayaan untuk mencapai keselamatan, kesejahteraan dan kejayaan hidup di dunia dan di akhirat.

Firman Allah *Subhanahu Wata'ala* dalam Surah Aali 'Imraan, ayat 18 yang mafhumnya :

"Allah menerangkan (kepada sekalian makhluk-Nya dengan dalil dan bukti) bahawa tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, yang mentadbir (seluruh alam) dengan keadilan, demikian juga para Malaikat serta orang-orang yang berilmu (berikrar dan mengakui bahawa) tiada Tuhan

دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنيس قياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

أَحْمَدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَحْنَا وَبِاللَّهِ أَخْتَمْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَّا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبْرُوتِ. وَاعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

اية الكرسي

اَللّٰهُ لَا اِلٰهَ اِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّوْمُ لَا تَاْخُذُهٗ
سِنَةٌ وَّلَا نَوْمٌ لَّهٗ مَا فِى السَّمٰوٰتِ وَمَا
فِى الْاَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِى يَشْفَعُ عِنْدَهٗ
اِلَّا بِاِذْنِهٖ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ اَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ
وَلَا يُحِيطُوْنَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهٖ اِلَّا بِمَا شَاءَ
وَسِعَ كُرْسِيُّهٗ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضُ وَلَا يَـُٔوْدُهٗ
حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِىُّ الْعَظِيْمُ ﴿٢٥٥﴾

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

(صلوات تفرجية)

اَللّٰهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
الَّذِى تَنَحَّلَ بِهٖ الْعُقَدُ، وَتَنَفَّرَجَ بِهٖ الْكُرْبُ، وَتَقَضٰى بِهٖ
الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهٖ الرِّغَائِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقٰى
الْغَمَامُ بِوَجْهِهٖ الْكَرِيْمِ، وَعَلٰى اٰلِهٖ وَصَحْبِهٖ فِى كُلِّ لَمَحَةٍ
وَنَفْسٍ بَعْدَ كُلِّ مَعْلُوْمٍ لَّكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

سَيِّدُ الْاِسْتِغْفَارِ

اَللّٰهُمَّ اَنْتَ رَبِّىْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اَنْتَ، خَلَقْتَنِيْ وَاَنَا عَبْدُكَ،
وَاَنَا عَلٰى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اَسْتَطَعْتُ، اَعُوْذُ بِكَ مِنْ
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، اُبُوْءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَاُبُوْءُ بِذَنْبِيْ،
فَاَغْفِرْ لِيْ فَاِنَّهٗ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوْبَ اِلَّا اَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن یغ مباوا کبراونتوغن ساعت بسر کقد قععملن (تولق بلاء)

(3)

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ اِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

(2)

اَسْتَغْفِرُ اللّٰهَ الْعَظِيْمِ

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakan rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

(1)

حَسْبُنَا اللّٰهُ وَنِعْمَ الْوَكِيْلُ

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

(5)

يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ، بِرَحْمَتِكَ اَسْتَغِيْثُ

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharap pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

(4)

وَأُفَوِّضُ اَمْرِيْ اِلَى اللّٰهِ

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

DBP REALISASIKAN PENERBITAN BUKU BERCORAK KEPIMPINAN



SETIAUSAHA Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pelancaran Buku Kepimpinan : Budi Pekerti, Tutaran Hati dan seterusnya menyaksikan penandatanganan Perjanjian Lesen Untuk Menerbitkan Karya antara DPB selaku penerbit dengan Tengku Sri Indra bin Tengku Ismail selaku penulis (atas dan kanan).



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 26 Februari. - Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sentiasa terus komited mendayaupayakan pelbagai inisiatif yang menggaris bawahi bukan sahaja dari aspek meningkatkan ilmu pengetahuan malah juga dari aspek meningkatkan kemahiran dan potensi masyarakat dalam pelbagai bidang antaranya menerusi pelaksanaan bengkel, kursus, seminar, peraduan serta penulisan buku, majalah dan jurnal. Kepelbagaian platform yang disediakan oleh DBP adalah bagi memastikan masyarakat mempunyai peluang untuk mengembangkan potensi mereka dalam pelbagai bidang kemahiran demi menjadi tenaga kerja yang berwibawa.

Pemangku Pengarah DBP, Hajah Dayang Haireni binti Haji Awang Damit dalam ucapan alu-aluannya pada Majlis Pelancaran Buku Kepimpinan : Budi Pekerti, Tutaran Hati bertempat di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), hari ini.

"Alhamdulillah, satu lagi pencapaian yang mampu diraih

oleh jabatan ini apabila berjaya merealisasikan penerbitan buku bercorak kepimpinan yang menyuguhkan ilmu pengetahuan dan panduan dalam bidang kepimpinan. Buku Kepimpinan : Budi Pekerti, Tutaran Hati yang akan dilancarkan pada hari ini merupakan sebuah karya daripada Tengku Sri Indra, seorang Pakar Konsultan Bertauliah dari Singapura yang juga telah banyak berjasa dalam memberikan program latihan kepimpinan kepada para pegawai organisasi di negara ini," ucapnyanya yang juga selaku Pengerusi Majlis.

Hajah Dayang Haireni seterusnya menjelaskan, tercetusnya pemikiran untuk mewujudkan buku bercorak kepimpinan ini adalah bertitik tolak daripada pemikiran dan perbincangan Tengku Sri Indra bersama seorang peserta kursus Al-Zaim pada tahun 2022, yang telah mengongsikan buku puisi beliau, dari sini maka teretuslah idea fikir Tengku untuk menerbitkan sebuah buku tentang kepimpinan dan budi pekerti.

"Alhamdulillah, keberhasilan

penerbitan buku ini juga tidak lepas daripada kerjasama beberapa orang pegawai kanan dan pegawai DBP, Negara Brunei Darussalam yang turut komited menyiapkan buku ini," katanya lagi.

Istimewanya, tambahnya, buku ini bukan sahaja memberikan bimbingan mengenai asas kepimpinan, malah juga menekankan budi pekerti dalam setiap perkara yang dilaksanakan terutamanya dalam memimpin sebuah organisasi.

Ini bermakna, pembangunan negara tidaklah hanya melibatkan perkembangan kepakaran dan kemahiran pemimpin namun, mestilah seiring dengan pembangunan moral dan nilai budi pekerti tinggi. Kehalusan dan kekayaan budi pekerti yang dimiliki sememangnya cerminan peradaban bangsa Melayu kerana budi pekerti cukup berperanan penting dalam memelihara tamadun bangsa.

Semoga buku ini memberikan jutaan manfaat kepada para pemimpin di negara ini yang akan mampu membimbing dalam

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

menggalas tanggungjawab kepimpinan berpaksaan kepada budi pekerti yang luhur.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis pada pelancaran Buku Kepimpinan : Budi Pekerti, Tutaran Hati dan seterusnya menyaksikan penandatanganan Perjanjian Lesen Untuk Menerbitkan Karya ialah Setiausaha Tetap (Kebudayaan), KKBS, Pengiran Haji Mohd. Hassan bin Pengiran Haji Ali Hassan.

Majlis diselenggarakan dengan penandatanganan Perjanjian Lesen Untuk Menerbitkan Karya antara DPB selaku penerbit dengan Tengku Sri Indra bin Tengku Ismail selaku penulis. Seterusnya, majlis juga diisikan dengan Bicara Inspirasi Kepimpinan : Budi Pekerti, Tutaran Hati yang disampaikan oleh Tengku Sri Indra bin Tengku Ismail selaku penulis.

Buku Kepimpinan : Budi Pekerti, Tutaran Hati merupakan hasil karya Tengku Sri Indra bin Tengku Ismail, pakar konsultan yang diiktiraf dari Singapura

dalam bidang kepimpinan, yang pernah mengendalikan Program Pembangunan Kapasiti Kepimpinan di beberapa agensi kerajaan dan swasta di Negara Brunei Darussalam.

Selain itu, buku ini juga berdasarkan kepada pengalaman penulis dalam menandai tanggungjawab sebagai seorang pemimpin yang mengamalkan beberapa ciri unik dalam kepimpinan dengan mengedepankan budi pekerti sebagai keunggulan untuk memajukan dan meningkatkan tahap kepimpinan. Buku Kepimpinan : Budi Pekerti, Tutaran Hati dijual dengan harga BND7 dan diberi potongan harga 10 peratus, iaitu BND6.30 semasa Majlis Pelancaran Buku tersebut.

Penerbitan buku tersebut adalah dalam usaha untuk mendidik dan membarigakan nilai-nilai kewibawaan yang berteraskan budi pekerti serta memantapkan jati diri dalam kalangan pemimpin organisasi.

5 keluarga terima bantuan kewangan kerajaan



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 26 Februari. - Seramai lima ketua keluarga yang terlibat dalam kejadian banjir, kebakaran dan rumah roboh / tidak selamat didiami telah menerima bantuan kewangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka

Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) yang berlangsung di Bangunan KKBS.

Seramai tiga ketua keluarga daripada lima yang menerima bantuan kewangan hari ini adalah mangsa yang terlibat dalam kejadian rumah roboh / tidak selamat didiami, sebuah ketua keluarga terlibat dalam kejadian banjir dan sebuah ketua keluarga pula terlibat dalam kejadian kebakaran.

Kesemua mangsa dan

penghuni rumah yang terlibat dalam kejadian bencana tersebut dalam keadaan selamat dan tidak mengalami sebarang kecederaan. Hadir bagi menyampaikan bantuan kewangan kepada mangsa-mangsa bencana ialah Pemangku Timbalan Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Mirany Floridzah binti Abd. Rahman.

Pemberian bantuan kewangan ini adalah bagi meringankan kesusahan yang dialami oleh mangsa-mangsa bencana demi kesejahteraan mereka sekeluarga. Usaha ini menunjukkan keprihatinan dan pemedulian pihak kerajaan terhadap rakyat dan penduduk yang mengalami musibah.

PEMANGKU Timbalan Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Mirany Floridzah binti Abd. Rahman semasa menyampaikan bantuan kepada salah seorang penerima.

SANTUNI MASYARAKAT MELALUI PROJEK JALINAN KASIH



PEMANGKU Pengarah Radio Televisyen Brunei (RTB), Awang Cheong Chee Keong hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan penyampaian sijil penghargaan kepada para penyumbang.

ialah Hamitan Group, TGT Sdn. Bhd., BMC Food Industries Sdn. Bhd., Bahagia Distributors Sdn. Bhd., Pearl Café, Radisson Hotel, McDonald's @ Makan Ceria, SKH, YMRM, Madison & Al-Hayaah Brunei, BIBD, Darul Trustee Remittance & Services dan Restoran Tanda Kasih.

Projek Jalinan Kasih Ke-16 merupakan tanggungjawab sosial RTB dalam sama-sama mendukung hasrat kerajaan bagi mewujudkan kehidupan bermasyarakat yang penyayang dan prihatin kepada golongan yang kurang bernasib baik dan memerlukan bantuan.

Seperti lazimnya, projek disasarkan kepada beberapa golongan yang berhak menerima bantuan antara lain seperti warga emas, anak-anak yatim, golongan mualaf, ibu tunggal.

RTB akan menyerahkan sumbangan kepada 20 buah keluarga iaitu lima buah keluarga dari setiap daerah.

Pelaksanaan projek adalah bertepatan dengan slogan RTB iaitu 'Sentiasa Bersama Biskita' yang bukan hanya terbatas melalui radio dan televisyen, tetapi juga menyantuni secara sua muka dengan masyarakat di keempat-empat daerah.

PROJEK Jalinan Kasih Ke-16 merupakan tanggungjawab sosial RTB dalam sama-sama mendukung hasrat kerajaan bagi mewujudkan kehidupan bermasyarakat yang penyayang dan prihatin kepada golongan yang kurang bernasib baik dan memerlukan bantuan (kiri sekali dan kiri).

■ Siaran Akhbar dan Foto : Radio Televisyen Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, pada tahun ini meneruskan lagi pelaksanaan Projek Jalinan Kasih Selasa, 27 Februari. - Radio Televisyen Brunei (RTB) melalui buat Kali Ke-16 dan Majlis Doa Bahagian Rancangan Radio Selamat serta Penyerahan Sijil



Jalinan Kasih Ke-16, Tahun 2024 yang mengambil tempat di Bilik VIP, Kompleks Penyiaran RTB Sungai Akar.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil penghargaan kepada para penyumbang ialah Pemangku Pengarah Radio Televisyen Brunei, Awang Cheong

Chee Keong.

Turut hadir ialah pegawai-pegawai kanan dan kakitangan RTB serta para penyumbang Projek Jalinan Kasih Ke-16.

Pada tahun ini, sebanyak 13 buah syarikat tempatan ikut serta memberikan sumbangan kepada para penerima.

Syarikat-syarikat tersebut



Kemas kini garis panduan penggunaan ART

■ Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 26 Februari. - Sejak langkah-langkah pengawalan jangkitan COVID-19 dikurangkan secara beransur-ansur pada Mac 2022, pemantauan berterusan oleh Kementerian Kesihatan mendapati situasi jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD) adalah terus terkawal walaupun tidak ada langkah-langkah pengawalan diperkenalkan semula.

Sementara itu, jumlah kes yang serius dan kadar kematian akibat jangkitan COVID-19 juga terus berada di tahap yang rendah.

Ini adalah antara lain disebabkan oleh tahap imuniti yang tinggi dalam kalangan rakyat dan penduduk NBD, susulan daripada kadar imunisasi COVID-19 yang tinggi dan jangkitan terdahulu (*previous infection*) yang pernah dialami oleh rakyat dan penduduk di negara ini.

Berpandukan penelitian berkenaan dan saranan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) untuk terus memantau trend jangkitan supaya sebarang perubahan trend

yang mungkin berlaku akan dapat segera dikesan, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai perubahan dalam garis panduan penggunaan Ujian Pantas Antigen (ART) bagi virus SARS-CoV-2.

Penggunaan ART hanya disarankan bagi mereka yang mengalami tanda-tanda jangkitan dan sesiapa yang positif ujian ART adalah dinasihatkan untuk melaporkan keputusan ujian di dalam aplikasi BruHealth.

Sijil Cuti Sakit Kementerian Kesihatan akan dikeluarkan melalui aplikasi BruHealth untuk tempoh selama tiga hari, ART ulangan sebelum tempoh Sijil Cuti Sakit berakhir tidak lagi diperlukan, Sijil Cuti Sakit Kementerian Kesihatan hanya boleh diperoleh melalui aplikasi BruHealth sekali bagi setiap enam bulan, dan sesiapa yang positif ART bagi kali kedua atau seterusnya dalam tempoh enam bulan dan memerlukan masa untuk berehat boleh mengambil Cuti Sakit Disahkan Sendiri (CSDS) bagi warga Perkhidmatan Awam,

sebagaimana dasar Perkhidmatan Awam yang ada pada masa sekarang.

Manakala pekerja sektor swasta akan dapat mengambil cuti sakit mengikut peraturan cuti di tempat kerja masing-masing.

Sesiapa yang negatif ART dan memerlukan masa untuk berehat boleh mengambil CSDS bagi warga Perkhidmatan Awam atau mengikut peraturan cuti di tempat kerja masing-masing bagi pekerja sektor swasta.

Penggunaan ART sebelum menghadiri mana-mana majlis tidak lagi disarankan memandangkan ujian sebelum acara (*pre-event testing*) tidak memberikan kesan yang signifikan terhadap epidemiologi jangkitan COVID-19 di negara ini.

Oleh yang demikian, orang ramai tidak perlu memuat naikan keputusan ART ke aplikasi BruHealth sebelum menghadiri sebarang acara.

Dengan itu, penggunaan kod hijau atau ungu di dalam aplikasi BruHealth akan ditiadakan.

Kod ungu akan digantikan

dengan Sijil Cuti Sakit.

Penggunaan ART di hospital-hospital dan klinik-klinik adalah bagi kumpulan-kumpulan pesakit tertentu sahaja seperti pesakit yang akan dimasukkan ke wad, pesakit-pesakit yang datang mendapatkan rawatan di Jabatan Kemalangan dan Kecemasan dan pesakit-pesakit yang mengalami tanda-tanda jangkitan respiratori.

Ini sebagai salah satu kaedah pemantauan jangkitan yang disarankan oleh WHO di bawah International Health Regulations (2005).

Perubahan garis panduan penggunaan ART bagi virus SARS-CoV-2 ini akan mula dilaksanakan pada 1 Mac 2024.

Sementara itu, sesuai dengan saranan WHO, Kementerian Kesihatan akan meneruskan ujian *genetic sequencing* bagi virus SARS-CoV-2 dalam kalangan orang-orang yang positif ART.

Kementerian Kesihatan memohon kerjasama orang-orang yang terpilih dan dihubungi untuk menjalani ujian berkenaan.

Sesiapa yang mengalami tanda-tanda jangkitan respiratori seperti

selesema dan batuk, sama ada positif COVID-19 atau tidak, adalah dinasihatkan untuk melakukan langkah-langkah pencegahan bagi mengelakkan jangkitan berkenaan menular kepada orang lain, seperti menggunakan tisu apabila batuk atau bersin; kerap mencuci tangan; elakkan daripada menghadiri majlis atau perkumpulan; dan segera berjumpa doktor sekiranya tanda-tanda jangkitan menjadi semakin teruk.

Kementerian Kesihatan akan terus memantau situasi berkenaan dan akan memaklumkan apa juga perkembangan mengenainya dari semasa ke semasa, termasuk perubahan kepada garis panduan-garis panduan kesihatan, jika ada.

Bagi maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi Talian Darussalam 123 ataupun melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan www.moh.gov.bn.

Semoga NBD berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa dalam perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala dan terselamat daripada segala bencana dan musibah, termasuk jangkitan COVID-19.

Program Keagamaan Senegara sempena Semarak Hari Kebangsaan

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama
Foto : Alishahrin Haji Mumin



KETUA Unit Kenegaraan, Seksyen Komunikasi Strategik, Jabatan Penerangan, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris semasa menyampaikan taklimat.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 27 Februari. - Program Keagamaan Senegara bagi Sekolah-sekolah Arab dan Ugama diadakan secara serentak di seluruh negara bersempena Semarak Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, hari ini. Program tersebut dibahagikan kepada dua sesi iaitu sesi persekolahan sebelah pagi bermula pada pukul 8.00 pagi dan sesi petang bermula pada pukul 2.00 petang.

Program berkenaan merupakan anjuran Jabatan Pengajian Islam (JPI) dengan kerjasama Jabatan

Penerangan.

Hadir selaku tetamu khas bagi acara sesi pagi di Sekolah Persediaan Arab, Bandar Seri Begawan ialah Penolong Pengarah Perkhidmatan Korporat, JPI, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dayang Haslinah Susanti binti Haji Md. Hassan.

Atur cara program dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin serta doa. Kemudian turut disemarakkan dengan Zikir Al-Maghfirah Wa Ar-Rahmah.

Bersempena dengan Hari Kebangsaan yang disambut pada setiap tahun, Taklimat Kenegaraan bertajuk, 'Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara Brunei Darussalam' disampaikan oleh Ketua Unit Kenegaraan, Seksyen Komunikasi Strategik, Jabatan Penerangan, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris.

Intipati taklimat memfokuskan kepada kefahaman dan kesedaran rakyat dan penduduk terhadap isu-isu kenegaraan seperti menaikkan dan mengibar bendera.

Di samping itu, program ini secara tidak langsung bertujuan untuk kita mengenali lebih dekat mengenai dengan 'Raja Pemerintah Kita' serta

PENOLONG Pengarah Perkhidmatan Korporat, JPI, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Haslinah Susanti binti Haji Md. Hassan hadir selaku tetamu khas bagi acara sesi pagi Program Keagamaan Senegara bagi Sekolah-sekolah Arab dan Ugama.

menghayati Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam. Taklimat diakhiri dengan bacaan Doa Hari Kebangsaan dan Doa Peliharakan Sultan serta Negara Brunei Darussalam.

Sehubungan itu, acara pada sesi petang yang berlangsung di Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Masna, Kawasan Brunei I dihadiri oleh Pemangku Penolong Pengarah (Profesional), Jabatan Pengajian Islam, KHEU, Awang Haji Ayop bin Ghani yang juga hadir selaku tetamu khas.

Program ini turut diadakan secara dalam talian yang disertai oleh tujuh buah Sekolah Arab iaitu Sekolah Menengah Arab Laki-laki Hassanah Bolkiah; Sekolah Arab Sultan Haji Hassanah Bolkiah; Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha; Ma'had Islam Brunei; Sekolah Arab Belait; Sekolah Arab Temburong; dan Sekolah Persediaan Arab, Bandar Seri Begawan bagi sesi pagi.

Manakala sesi petang disertai



secara dalam talian oleh lapan buah sekolah ugama iaitu Sekolah Ugama Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Temburong; Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Masna, Brunei I; Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Hafizah Sururul Bolkiah; Sekolah Ugama Pengiran Anak

Puteri Majeedah Nuurul Bolkiah; Sekolah Ugama Sungai Besar; Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam; Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Nor'ain, Tutong; dan Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Belait.



ANTARA yang hadir pada program tersebut.

PEMERIKSAAN, PENELITIAN TERHADAP BEBERAPA STESEN MINYAK

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 27 Februari. - Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan (IBE) melalui Unit Sukatan dan Timbangan (SDT)

di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi akan melaksanakan kerja-kerja pemeriksaan dan penelitian bacaan ketepatan ke atas alat sukatan jenis

pam minyak di stesen-stesen minyak.

Langkah berkenaan adalah selaras dengan Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151, di mana pemeriksaan bacaan ketepatan, sah dan berdaftar dengan Unit SDT adalah dikehendaki ke atas penggunaan alat sukat dan timbang bagi tujuan perdagangan.

Dengan mengambil kira keselamatan dan kesejahteraan orang ramai serta para tenaga kerja yang terlibat sepanjang kerja-kerja pemeriksaan dan penelitian tersebut, stesen-stesen minyak akan ditutup bermula jam 9.00 pagi dan jam 2.00 petang hingga selesai, yang mana anggaran pelaksanaannya adalah sekitar dua jam.

Pemeriksaan dan penelitian ke atas stesen-stesen minyak ini adalah pemeriksaan rutin yang dikendalikan sebanyak tiga kali setahun.

Keterangan jadual penutupan sementara stesen-stesen minyak bagi kerja-kerja pemeriksaan dan penelitian bacaan ketepatan pada bulan Mac 2024 di dalam Rajah 1.

Bagi sebarang pertanyaan lanjut, orang ramai boleh menghubungi Unit SDT, IBE melalui e-mel : sdt@mofe.gov.bn atau melalui talian +673 233 4092.

BIL.	TARIKH & WAKTU PENGUJIAN	ALAMAT/TEMPAT PENGUJIAN	DAERAH
1	2hb Mac 2024 (Sabtu) 9:00 pagi - 11:00 pagi	Syarikat Stesen Minyak Gadong	Brunei Muara
2	4hb Mac 2024 (Isnin) 9:00 pagi - 11:00 pagi	Syarikat Stesen Minyak Koperasi Usahajaya Pekira Bhd	
3	4hb Mac 2024 (Isnin) 2:00 petang - 4:00 petang	Syarikat Stesen Minyak Hajah Badariah dan Anak-Anak	
4	5hb Mac 2024 (Selasa) 9:00 pagi - 11:00 pagi	Syarikat Stesen Minyak IBA	
5		Syarikat Stesen Minyak TAIB Delima	
6	6hb Mac 2024 (Rabu) 9:00 pagi - 11:00 pagi	Syarikat Stesen Minyak Persatuan TIBA	Belait
7	7hb Mac 2024 (Khamis) 9:00 pagi - 11:00 pagi	Syarikat Stesen Minyak Shahryza	
8		Syarikat Stesen Minyak Koperasi Perniagaan dan Perusahaan Melayu	Brunei Muara
9	9hb Mac 2024 (Sabtu) 9:00 pagi - 11:00 pagi	Syarikat Stesen Minyak Pekan Muara	
10		Syarikat Stesen Minyak Negalang Maju Sdn Bhd	Temburong
11	11hb Mac 2024 (Isnin) 9:00 pagi - 11:00 pagi	Syarikat Stesen Minyak Amanah	Brunei Muara
12	18hb Mac 2024 (Isnin) 9:00 pagi - 11:00 pagi	Syarikat Stesen Minyak Perusahaan Cahaya Pakatan Berhad	Tutong
13	19hb Mac 2024 (Selasa) 9:00 pagi - 11:00 pagi	Syarikat Stesen Minyak KODRAT Berhad (Koperasi Dataran Gong Tiga)	



Awat! Jalan Licin Dihadapan

Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada ANDA dan SAYA

Always Wear a seatbelt
No mobile phones while driving
Speeding is dangerous
Do not drive under influence
Wear helmet and proper attire while riding
Always watch out for other road users
Always check tyres

www.mkkjr.gov.bn



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan
Di Dalam

Kelas :
III Sahaja

Kategori :
KA01 Sahaja

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :**
Selasa,
19 Mac 2024.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
2 April 2024,
Tidak lewat jam 12.00 Tengah Hari.

Bilangan Tawaran :
JKR / DBSTUT 004 / 2024

Nama Projek :
Kontrak Penggal Bagi Kerja-Kerja
Pemeliharaan Jalan Raya
Di Daerah Tutong (Zon 1)
Bagi Tempoh 24 Bulan

No. Projek :
2024/25 JKR TUT/B00411-01

Yuran Tawaran :
BND50.00
(Tidak dikembalikan)



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas :
II sahaja

Kategori :
B01

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :**
Selasa,
12 Mac 2024.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 26 Mac 2024,
Tidak lewat jam
12.00 Tengah Hari

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSBM002 / 2024

Bil. Projek
2024DBSBM/KAS.01

Nama Projek:
Kerja-Kerja Membaik Pulih
Dinding Luar Bangunan
Ibu Pejabat Kastam
dan Eksais Diraja

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan
Di Dalam

Kelas :
II sahaja

Kategori :
B01

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :**
Selasa,
12 Mac 2024.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 26 Mac 2024,
Tidak lewat jam
12.00 Tengah Hari

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSBM001 / 2024

Bil. Projek
2024DBSBM/JKR.01

Nama Projek:
Tempat Penyimpanan Sementara
Di Bahagian Mekanikal,
Jabatan Perkhidmatan Mekanikal,
Jabatan Perkhidmatan
Mekanikal Dan Elektrikal,
Simpang 272,
Jalan Bengkurong-Masin,
Kampung Sinarubai,
Negara Brunei Darussalam

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)



Dibukakan Kepada Kontraktor
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan
Di Dalam

Kelas :
V & VI

Kategori :
B01

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :**
Sabtu,
2 Mac 2024.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
5 Mac 2024,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Bilangan Tawaran:
JKR / DOD / 2 / 2024

Nama Projek:
Brunei Darussalam
Central Banking (BDCB)
Building Project (Formerly New
Headquarters Building
For The Autoriti Moneteri
Brunei Darussalam)
– Interior Decoration Works For
Level 4 (Package 6D)

Yuran Tawaran :
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)



**Pemberitahuan Tawaran
Kementerian Pertahanan**

Rujukan Tawaran :
MINDEF / DFA / FY2024 / MAB /
TA / 01
Pembelian dan Pemasangan
Peralatan Email Firewall
(3 Years License Renewal)

Yuran Tawaran :
BND10.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
12.00 Tengah Hari,
Selasa 19 Mac 2024.



Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 18 / 2024 / 2025
[HRMD-FEB-2024]

Tajuk :
Sebut Harga Bagi Perkhidmatan
Business WhatsApp Api
Billing Services
Tempoh Perkhidmatan :
Satu (1) Tahun

Bayaran Yuran Sebut Harga :
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu :
Sabtu, 16 Mac 2024



Lembaga Tawaran Kecil,
Bahagian Kewangan,
Tingkat 1,
Kementerian Hal Ehwal
Ugama,
Jalan Dewan Majlis,
Berakas BB3910
Negara Brunei Darussalam



Iklan Tarikh Lanjutan

**Tawaran Rancangan Pemakanan
Sekolah Arab Dan Asrama
Bahagian Penyajian Makanan
Dan Minuman Secara Berhidang
Dan Bertapau
Bagi Tempoh Dua (02) Tahun
Jabatan Pengajian Islam,
Kementerian Hal Ehwal Ugama**

Bilangan Tawaran :
KHEU / JPI / PMM / SA BELAIT /
08

Keterangan:
Sekolah Arab Belait, Daerah Belait

Bayaran Dokumen :
BND 30.00
(Bayaran Dokumen
tidak dikembalikan)

Syarat-Syarat. Panduan Dan Maklumat :

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada Syarikat-Syarikat yang berdaftar dan terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk perkhidmatan penyajian bagi Tawaran Rancangan Pemakanan Sekolah Arab dan Asrama [Bahagian Penyajian Makanan dan Minuman Secara Berhidang dan Bertapau].
2. Pemohon-pemohon yang berkhidmat dengan Kerajaan tidak akan diterima kecuali mendapat Surat Kebenaran untuk berniaga daripada Jabatan Perdana Menteri.
3. Pembekal / Pengusaha (syarikat) hendaklah mempunyai Sijil Halal dari Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan mempunyai premis / tempat untuk beroperasi yang diluluskan penilaian kesihatan, Kementerian Kesihatan bagi

mengendalikan perkhidmatan penyajian.

4. Pemohon hendaklah menggunakan BORANG ASAL yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam. Borang tawaran bolehlah diperoleh di kaunter BAHAGIAN KEWANGAN, TINGKAT 1, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA, JALAN DEWAN MAJLIS, BERAKAS BB3910, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
5. Borang tawaran dikenakan bayaran yuran sebanyak BND30.00 (Tender Fee) (bayaran tidak dikembalikan) dan hendaklah dijelaskan semasa mengambil borang berkenaan.
6. Tarikh akhir mengambil borang dan tarikh akhir menghantar

borang tawaran;

**Tarikh Akhir Mengambil
Borang Tawaran :**
Isnin, 23 Syaaban 1445H /
4 Mac 2024M

Tarikh Akhir Menghantar :
Selasa, 24 Syaaban 1445H /
5 Mac 2024M
sebelum jam 2.00 Petang

7. Berikut adalah masa-masa bagi mengambil borang tawaran :
Isnin - Khamis :
8.00 Pagi – 11.00 Pagi
2.00 Petang – 3.00 Petang

Sabtu ;
8.00 Pagi – 11.00 Pagi

8. Borang Tawaran hendaklah dikembalikan dan dimasukkan ke dalam PETI TAWARAN KECIL yang ditujukan kepada :

Pengerusi,



Di dalam Mahkamah Tinggi
Negara Brunei Darussalam
Di Bandar Seri Begawan

Kes No.
BCY / CP / 27 / 2023

Baiduri Bank Sendirian Berhad
- Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

Ramzidah binti PDKDK
Hj A Rahman

(00-253868)
- Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan
telah dibuat terhadap Penghutang
yang berikut pada 25 Januari
2024.

**Nama dan alamat terakhir
diketahui :**

Ramzidah binti PDKDK
Hj A Rahman
No. 92, Simpang 88,
Kampung Manggis Satu,
Jalan Muara
Bandar Seri Begawan BC3615,
Brunei Darussalam

Tarikh Petisyen :
15 Ogos 2023

b.) Semua sipiutang-sipiutang
kepada nama Penghutang
yang tersebut di atas hendaklah
menghadapkan borang-borang
bukti hutang yang boleh diperoleh
di Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang
seharusnya dibayar kepada
Penghutang tersebut di atas
hendaklah dihadapkan kepada
Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat 2, Bangunan Mahkamah
Besar, Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh :
3 Februari 2024

**Notis Kepada Pemiutang untuk
Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan
bertarikh 25 Januari 2024.

Notis adalah dengan ini
diberikan bahawa satu perjumpaan
pemiutang-pemiutang mengenai
perkara di atas akan diadakan di
Pejabat Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat 1, Bilik (L1-13), Mahkamah
Besar pada **2 Mei 2024, jam 9.00
Pagi**.

Bagi membolehkan kamu
mengundi di sana bukti-bukti
kamu mestilah diserahkan-simpan
kepada saya tidak lewat dari 24 jam
sebelum waktu yang ditetapkan
bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan
digunakan di perjumpaan ini
mestilah diserahkan - simpan
kepada saya tidak lewat dari
24 jam sebelum waktu yang telah
ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi
penghutang adalah ditetapkan
pada **2 Mei 2024, jam 9.00 Pagi** di
Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang
yang telah menyerahkan bukti,
atau wakil-wakilnya yang diberi
kuasa secara bertulis,
bolehlah menyoal penghutang
semasa pemeriksaan awam
penghutang, mengenai
dengan hal-halnya dan juga sebab
kegagalannya.

Bertarikh :
3 Februari 2024

Kes No
BCY / CP / 380 / 2014

Baiduri Finance Berhad
(Previously Filed By HSBC
Finance (B) Berhad)
- Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

Mohd Azhar
bin Hj Abdul Kahar
(00-253258)
- Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Pembatalan

Sila ambil perhatian bahawa
Perintah Penerimaan yang dibuat
terhadap Penghutang berikut pada
18 Mac 2017 telah dibatalkan pada
27 Januari 2024.

Nama Penghutang :
Mohd Azhar
bin Hj Abdul Kahar

Alamat Penghutang :
No. 136, Jalan Tanjong Maya,
Kampung Bukit Sibut,
Tutong TA2541,
Negara Brunei Darussalam

Bertarikh :
30 Januari 2024

Pg Siti Nursu'aidah binti
Pg Jufrihar @ Pg Tajuddin
Timbalan Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar
Negara Brunei Darussalam



Tajuk Sebut Harga :
To Supply, Deliver and Maintain
Customize Queue Poles and
Signage at Brunei International
Airport

Rujukan Sebut Harga :
APM.2024-2025 / SH-01

Tajuk Sebut Harga:
To Design, Fabricate, Install and
Decorate Hari Raya Festival at
Arrival Hall and Departure Hall,

Brunei International Airport

Rujukan Sebut Harga :
APM.2024-2025 / SH-02

**Tarikh Iklan / Mengambil
Dokumen Tawaran :**
Rabu,
21 Februari 2024
(selama 2 minggu)

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Tawaran :**
Rabu,
12 Julai 2024
(sebelum jam 11.00 Pagi)

Tarikh Tutup Tawaran :
Rabu,
6 Mac 2024
(sebelum jam 2.00 Petang)

Alamat Kepada :
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
Jabatan Penerbangan Awam



d/a Tingkat Bawah,
Bahagian Kewangan,
Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam,
Kementerian Pengangkutan
dan Infokomunikasi,
Bandar Seri Begawan
BB 2513
Negara Brunei Darussalam



Tawaran Jabatan Daerah Belait
Kementerian Hal Ehwal Dalam
Negeri

Bilangan Sebut Harga:
JDB / 01 / 2024

Nama Sebut Harga:
Sebut Harga Penyewaan Bas
Selama 3 Tahun

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Selasa,
19 Mac 2024,
Jam 2.00 Petang.



**Makluman Perubahan Syarat
Pengiklanan**

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Dengan Kementerian

Pembangunan Di Dalam

Kelas :
Pembekal-Pembekal Yang
Diluluskan Sahaja

Kategori :
P02 sahaja

1. Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 008 / 2024

Tajuk:
Pembekalan Dan Penghantaran
Bahan Kimia Kepada Semua
Makmal Loji Rawatan Air
Dan Makmal Air Tasek
Di Bawah Jabatan

Perkhidmatan Air,
Negara Brunei Darussalam

Yuran Tawaran :
BND100.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :**
Selasa,
20 Februari 2024

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
5 Mac 2024,
Tidak lewat jam
2.00 Petang.



Tarikh Tutup Sebut Harga :
Selasa,
5 Mac 2024 .
Sebelum jam 2.00 Petang.



Iklan Tarikh Lanjutan
Jabatan Kehakiman Negara
Jabatan Perdana Menteri

Iklan Sebut Harga :

Bilangan Sebut Harga :
JKN / BPEA / SH / E / 2023 – 2024

(5)
Perkhidmatan
Pengangkutan Sampah
Di Bangunan Mahkamah-
Mahkamah Daerah
Belait,
Bagi Tempoh 36 Bulan

**Tarikh Sesi Penerangan
(Information Session) :**
Isnin, 26 Februari 2024,
Jam 10.00 Pagi .

**Tempat Berkumpul
Di Kawasan Lobi
Bangunan Mahkamah-
Mahkamah Daerah Belait**

PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN)

DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (soft copy)
hendaklah dihantar dan diterima oleh
Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK
kurang dari empat (4) minggu dan
Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari
dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan
dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah
dibaca menggunakan **Microsoft Word**
dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang
Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar
menggunakan **BAHASA MELAYU
SAHAJA**.



Sila sertakan dokumen-dokumen yang
berkaitan dan nyatakan apa-apa
keperluan iklan berkenaan, seperti
tarikh terbitan untuk diiklankan dan
sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah
dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

**+673 2383400
sambungan Meja Iklan**

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA
DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI
MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



جوالن سالىنن كمببر ٢ دىكىتل

JUALAN SALINAN GAMBAR-GAMBAR DIGITAL



HARGA JUALAN

Penjualan harga bagi satu gambar digital adalah BND20.
Penjualan cd sekeping adalah BND1. Penjualan satu gambar digital dan satu keping cd adalah BND21.
(Gambar-gambar yang hanya melibatkan ahli kerabat Diraja tidak akan dijual).

TEMPAT MENERIMA TEMPAHAN GAMBAR/ MENERIMA BAYARAN

Kaunter Unit Fotografi bagi menerima tempahan gambar dan tempat menerima pembayaran Kaunter Unit Kewangan, Jabatan Penerangan.

JENIS-JENIS

Penjualan salinan gambar-gambar digital yang terdapat dalam laman galeri Infofoto (www.infofoto.gov.bn) dan juga gambar-gambar yang terdapat dalam simpanan jabatan yang diambil oleh warga Jabatan Penerangan.

IBU PEJABAT JABATAN PENERANGAN

JABATAN PENERANGAN,
JABATAN PERDANA MENTERI,
LAPANGAN TERBANG LAMA,
BERAKAS, BB3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 2383400
FAKS : 2382242

GAMBAR BOLEH DIBELI MELALUI:
KAUNTER UNIT FOTO, ARAS BAWAH,
BANGUNAN ASAL JABATAN PENERANGAN

WAKTU PERNIAGAAN

Isnin - Khamis
8.00 Pagi – 12.00 T/hari
2.00 Ptg – 3.00 Ptg
Sabtu
8.00 Pagi – 11.00 Pagi



InfoDeptBN



Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept_bn

MEMASTIKAN KELANCARAN MMN

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ihsan Rahmat Shukurillah Harith



SEKITAR Pusat Penyelaras Media - Media Coordination Centre bagi Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara dan sepanjang mesyuarat diadakan (atas dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 27 Februari. - Bagi memastikan kelancaran acara Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) dan sepanjang mesyuarat diadakan selama beberapa minggu ini, beberapa orang jawatankuasa bagi acara tersebut ditubuhkan.

Pelita Brunei menemu bual Pegawai Penerangan selaku Sekretariat Media, Awang Ali Termizzi bin Haji Ramli / Haji

Ramli menjelaskan mengenai kemudahan yang terdapat di Pusat Penyelaras Media - Media Coordination Centre (MCC).

Bagi memberikan keselesaan, khususnya untuk wartawan dan pemberita yang bertugas, beliau seterusnya menjelaskan bahawa beberapa peralatan logistik seperti kerusi, meja disediakan bagi ruang media bertugas, termasuk beberapa buah komputer meja untuk mereka membuat berita-berita yang akan diterbitkan pada sidang

tersebut.

MCC turut menyediakan kemudahan Wi-Fi memudahkan mereka bagi untuk mendapatkan akses internet sekiranya mereka perlu menghantar terus berita-berita yang telah siap, tambahnya.

Selain itu, beliau turut menerangkan mengenai tugas dan tanggungjawab jawatankuasa berkenaan, iaitu untuk menjemput semua media dalam membuat liputan di sepanjang persidangan dan bukan sahaja untuk istiadat pembukaan.

Menurutnya lagi, Jawatankuasa Media dan Publisiti mengawal maklumat-maklumat yang dikeluarkan kepada orang ramai, malah jawatankuasa tersebut juga pengantaraan bagi menjadi maklumat-maklumat yang di Hansard untuk disampaikan ke pihak media juga kepada pihak institusi tertentu.

Sementara itu, Jabatan Penerangan merupakan tumpuan dalam menyediakan kemudahan-kemudahan kepada pihak media swasta dan membantu MCC dengan menyediakan *whiteboard*

dan *pigeon hole* bagi perkongsian maklumat sidang berkenaan.

Selain itu, makanan dan minuman ringan juga disediakan secara percuma bagi para pengamal media yang bertugas di sepanjang acara berlangsung sehingga selesai nanti.

Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat-maklumat terkini mengenai Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN bolehlah melayari laman sesawang JMM, iaitu www.majlis-mesyuarat.gov.bn.



UNN
Empowering Digital Society

Hos aplikasi perniagaan awda di pengehosan awan kami.

- Penempatan - Kami menyimpan data awda di dalam negara
- Teguh - Pusat data kami mempunyai kuasa & penyejukan berdaya tahan
- Berdaya tahan - Kami menyalin data awda di setiap pusat data kami
- Dipercayai - Jurutera kami diperakui untuk menguruskan sistem
- Tegas - Operasi kami diperakui ISO/IEC 27001:2022



Imbas kod QR untuk maklumat lanjut.



**Perkhidmatan
Pengehosan Awan**

Kami membolehkan perniagaan untuk menikmati infrastruktur pengkomputeran atas permintaan tanpa perlu mengurus dan memiliki peralatan fizikal.



unn.com.bn



[unn.bn](https://www.instagram.com/unn.bn)



Unified National Networks (UNN)



MEMPERKUKUH ETIKA PROFESIONAL, INTEGRITI SEKTOR PENJAGAAN KESIHATAN



SERAMAI 129 peserta terdiri dalam kalangan doktor, jururawat dan Allied Health Professionals (AHP) daripada pelbagai kepakaran dari keempat-empat daerah di negara ini menghadiri Bengkel MoH-CBmE Ethics bertempat di Mutiara Ballroom, Hotel Radisson.

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 26 Februari. - Bagi mengukuhkan dan memupuk amalan terbaik, kelakuan profesional dan standard etika dalam kalangan profesional penjagaan kesihatan di Negara Brunei Darussalam (NBD), Kementerian Kesihatan pagi tadi menganjurkan Bengkel MoH-CBmE Ethics bertempat di Mutiara Ballroom, Hotel Radisson.

Seramai 129 peserta terdiri dalam kalangan doktor, jururawat dan Allied Health Professionals (AHP) daripada pelbagai kepakaran dari keempat-empat daerah di negara ini menghadiri kursus selama dua hari berkenaan.

Peserta yang dijemput juga termasuk ahli-ahli daripada the Medical and Health Research & Ethics Committee dan the National Transplant Ethics Committee at the Ministry of Health.

Ia merupakan usaha kerjasama yang signifikan antara Kementerian Kesihatan, NBD dan the National University of Singapore Centre for Biomedical Ethics Yong Loo Lin School of Medicine (NUS CBME), Republik Singapura, bertujuan untuk menangani cabaran dalam memastikan amalan etika dalam perundangan adalah terhad.

Bengkel difasilitator oleh empat pelatih daripada Republik Singapura yang mempunyai kepakaran dalam bidang klinikal, penyelidikan, profesional dan etika pemindahan.

Antara objektif bengkel berkenaan adalah untuk membina kapasiti bagi pelbagai jawatankuasa etika, menubuhkan Clinical Ethics Committees dan juga memperkukuh lagi etika profesional dan integriti dalam sektor penjagaan kesihatan tempatan.

Bengkel juga diharap akan dapat memberikan panduan mengenai penubuhan Clinical Ethics Committees di Kementerian Kesihatan, latihan dan pertukaran pengetahuan dalam bidang etika penyelidikan, selain memberi tumpuan kepada maklumat sulit dan kesejahteraan peserta penyelidikan.

Di samping itu, latihan yang lebih komprehensif mengenai komponen etika penilaian pra-pemindahan berkenaan dengan pemindahan *living donor* organ juga akan dijalankan.

جائين فراڤانڤون ايكونومي دان ستاتستيك
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

Fikir sebelum beli

"buleh percaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"

Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- ☒ Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- ☒ Dapatkan resit rasmi.
- ☒ Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- ☒ Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Pemiagaan-ke-Pengguna

Kenali Bahasa Brunei

Cikar bermaksud kemas dan bergaya dalam berpakaian.

Contoh pemakaian kata : mispun udah baumur, lakat lagi ia **cikar**.

Imapun bermaksud waimapun atau walaupun.

Contoh pemakaian kata : **imapun** damam, bakaraja ia jua.

Maingul bermaksud meminta atau merayu berkali-kali, biasanya kanak-kanak kepada ibu bapanya.

Contoh pemakaian kata : anak atu **maingul** babunya minta balikan mainan.

Maintu bermaksud menunggu dengan mengharapkan diberi makanan, biasanya kanak-kanak apabila melihat orang lain sedang makan.

Contoh pemakaian kata : jangan **maintu**, karang indung kamu jua malu.

SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KKBS

Selera KAMPUNG Kitani

Foto :
Nurul Rasyidah Mohamad Rosland



Nasi Goreng Udang Kampung Buang Bulan

BAHAN-BAHANNYA :

2 mangkuk nasi yang sudah masak
5 ulas bawang merah (dihiris)
2 ulas bawang putih (dihiris)
1 sudu kecil lada kisar
3 tangkai lada hidup (dihiris)
200 gram udang galah
Garam dan secukup rasa

Minyak masak untuk menumis

CARA-CARA MEMBUATNYA :

Panaskan minyak dan masukkan bawang merah dan bawang putih, tumis hingga naik bau. Kemudian, masukkan lada kisar, lada hidup, lada padi dan tumis lagi.

Selepas itu, masukkan udang galah yang sudah dibuang kulit, tumis sampai udang itu masak.

Baru masukkan nasi tadi dan gaul sehingga sebati dengan bahan yang ditumis tadi.

Masukkan garam dan serbuk perasa. Bila sudah sebati bolehlah diangkat dan sedia untuk dihidang.

PUPUK SEMANGAT PATRIOTIK DALAM KALANGAN PELAJAR

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

SERASA, Selasa, 27 Februari. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Seksyen Komunikasi Strategik mengadakan Program Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' bagi Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajah Mariam, Serasa.

Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' bagi Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajah Mariam, Serasa.

Taklimat yang berlangsung di Dewan Serbaguna sekolah berkenaan dihadiri oleh seramai 114 penuntut Tahun 7.

Turut hadir, Pengetua Sekolah, Dayang Norsarita Binti Haji Besar dan tenaga-tenaga pengajar sekolah tersebut.

Taklimat disampaikan oleh Pegawai Luar Penerangan, Unit Kenegaraan, Jabatan Penerangan, Awang Mohammad Khaiddir Shah bin Haji Abdul Halim, yang antara

lain mengongsikan mengenai raja, tatacara menaik kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan'.

Selain itu, para penuntut juga berpeluang menyertai kuiz kenegaraan dan menerima hadiah-hadiah sumbangan Jabatan Penerangan yang disampaikan oleh Pengetua Sekolah berkenaan.

Program Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara.

Di samping itu, ia juga dihasratkan akan dapat mengukuhkan lagi semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri para penuntut.



JABATAN Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Seksyen Komunikasi Strategik semasa mengadakan Program Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' bagi Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajah Mariam, Serasa (kiri dan atas).



MINDA PEMBACA

Lakukan perubahan dalam mencegah, merawat kanser

KANSER merupakan satu penyakit yang sangat membimbangkan dan dapat memberikan impak besar kepada individu dan masyarakat. Namun, melalui kesedaran dan langkah-langkah yang proaktif, masyarakat dapat bersama-sama membuat perubahan untuk mencegah dan merawat kanser. Oleh itu, penting bagi setiap individu untuk melakukan perubahan dalam gaya hidup mereka untuk mencegah dan merawat kanser.

Langkah pertama dalam pencegahan kanser adalah melalui pemakanan yang sihat. Menjalani gaya hidup dengan pemakanan seimbang, kaya dengan buah-buahan, sayur-sayuran dan makanan berkhasiat adalah langkah awal yang dapat mengurangkan risiko

kanser. Mengurangkan pengambilan makanan yang tinggi lemak tepu, gula dan garam juga turut memainkan peranan penting dalam pencegahan ini.

Amalan bersenam secara berkala juga merupakan langkah yang berkesan dalam mencegah kanser. Aktiviti fizikal membantu mengawal berat badan, meningkatkan sistem imun dan mengurangkan risiko kanser tertentu. Mereka yang menjalankan gaya hidup aktif dan sihat mempunyai kecenderungan yang lebih rendah untuk menghidap kanser.

Masyarakat perlu disedarkan tentang kepentingan ujian saringan dan pemeriksaan kesihatan berkala. Pemeriksaan awal dapat membantu mendeteksi kanser pada peringkat

yang lebih awal, meningkatkan peluang kejayaan rawatan. Ujian saringan seperti Mammogram, Ujian Pap Smear, dan pemeriksaan kolonoskopi boleh membantu mengesan kanser pada peringkat awal, meningkatkan peluang untuk rawatan yang berjaya.

Dalam usaha merawat kanser, penyelidikan dan pembangunan bidang perubatan terus berkembang. Perubahan dalam pendekatan terapi dan penggunaan teknologi terkini memberi harapan yang lebih cerah dalam rawatan kanser.

Seiring dengan Hari Kanser Sedunia, masyarakat perlu terus berganding bahu untuk menyebarkan kesedaran mengenai kanser. Aktiviti-aktiviti kesedaran, ceramah kesihatan dan

kempen di media sosial dapat menjadi alat yang berkesan untuk menyampaikan maklumat dan pendidikan kepada masyarakat.

Kesedaran dan tindakan kolektif adalah kunci untuk membina masyarakat yang proaktif dalam mencegah dan merawat kanser. Dengan pendekatan ini, kita dapat mencapai matlamat menjadikan Brunei Darussalam sebagai masyarakat yang lebih sihat dan berdaya tahan terhadap cabaran kesihatan kanser.

Nama : Ampuan Mohamad Khairul Anuar bin Ampuan Mohamad
No. K/P : : 00-314XXX

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Menjayakan Wawasan Negara'. Tarikh Tutup : 28 Februari 2024
2. 'Persediaan Di Ambang Ramadan'. Tarikh Tutup : 6 Mac 2024
3. 'Majukan Pengusaha Tempatan'. Tarikh Tutup : 13 Mac 2024

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

64 PAIN DARAH BERJAYA DIKUMPULKAN



SEKITAR Kempen Derma Darah sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024 yang diadakan di Kompleks Membeli-belah, Times Square (atas dan kanan).

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BERAKAS, Selasa, 27 Februari. - Sebanyak 64 pain darah berjaya dikumpulkan semasa Kempen Derma Darah sempena Sambutan Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-40, Tahun 2024 yang diadakan di Kompleks Membeli-belah, Times Square, pagi tadi.

Kempen tersebut dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan melalui Bahagian Beruniform dan Perkhidmatan, Jabatan Pendidikan Kokurikulum dengan kerjasama Bahagian Tabung Simpanan Darah Pusat Pendermaan Darah, Hospital

Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Kementerian Kesihatan. Antara objektif kempen adalah untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai kepentingan menderma darah yang boleh menyelamatkan nyawa, dan seterusnya bagi membantu menambah simpanan tabung darah Hospital RIPAS.

Di samping itu, kempen tersebut juga adalah sebagai sebahagian daripada aktiviti bagi memeriahkan lagi Sambutan HK NBD Ke-40, Tahun 2024 yang berlangsung baru-baru ini.



Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia

Sila muat turun

PenggunaBijak




Zahir kesyukuran bernaung di sebuah negara berpaksikan Al-Quran

Berita dan Foto : Aimi Sani

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 26 Februari. - Majlis Khatam Al-Quran 40 Kali sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024 adalah bagi menzahirkan kesyukuran rakyat dan penduduk negara ini kepada Allah Subhanahu Wata'ala atas limpah rahmat serta nikmat-Nya menjadikan Negara Brunei Darussalam (NBD) di bawah kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam sentiasa berada dalam keadaan aman dan sejahtera.

Seramai 1,650 peserta di keempat-empat daerah yang terdiri daripada mahasiswa dan mahasiswi institusi pengajian tinggi, penuntut-penuntut Institusi Pendidikan Teknik Brunei (IBTE), penuntut-penuntut sekolah menengah, sekolah agama, ahli-ahli persatuan belia dan sukan serta pergerakan-pergerakan belia, Pelatih Pusat Pembangunan Belia, sukarelawan-sukarelawan, belia-belia masjid serta qari dan qariah menyertai majlis tersebut.



DAYANG Atthiyyah Husna binti Amzar dan Dayang Siti Suaidah binti Sabli (kiri dan kanan).

Sehubungan itu, pada majlis yang berlangsung di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong, Pelita Brunei berkesempatan menemu bual beberapa orang peserta Khatam Al-Quran 40 Kali.

Awang Mohammad Danial Hazwan bin Haji Mohammad Azmi, seorang pelatih Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) berkata dengan adanya majlis yang penuh keberkatan ini, setentunya mendukung wawasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk menyebarkan pembacaan Al-Quran dalam kalangan rakyat iaitu ke arah menjadi satu mercu tanda NBD sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja (MIB) yang berpaksikan konsep Negara Zikir.

"Saya selaku belia bersyukur kerana terpilih menjadi salah seorang peserta khatam sempena Majlis Khatam Al-Quran 40 Kali sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-40, Tahun 2024. Ia adalah bagi menzahirkan kecintaan terhadap negara yang dicintai dan akan menjadi kenangan manis buat saya kerana buat pertama kalinya menyertai majlis seumpama ini," ujar beliau.


Sementara itu, bagi Dayang Atthiyyah Husna binti Amzar, seorang pelajar Tahun 10 Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanil Bolkiah (ITQSHHB), Sambutan Hari Kebangsaan setentunya harus diraikan dengan bacaan Al-Quran supaya NBD terus diberkati oleh Allah Subhanahu

Wata'ala dengan kemakmuran, aman damai dan dijauhi daripada segala bala bencana dan marabahaya.

Dengan adanya majlis ini juga tambah beliau, akan menjadi pendorong dan penggalak para peserta untuk mengamalkan bacaan Al-Quran sebagai amalan harian yang konsisten walaupun sedikit. Di samping itu juga dengan mengkhataamkan bacaan Al-Quran, juga merupakan satu ibadah bagi diri para peserta sendiri dan akan menjadi ristaan mereka pada masa akan datang.

Manakala bagi Dayang Siti Suaidah binti Sabli, wakil daripada Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPBPD) pula berkata sebagai seorang belia, antara peranan diri beliau dalam membentuk masa depan negara ialah dengan menyumbangkan idea segar dan inovasi dalam pembangunan ekonomi, sosial dan teknologi.

"Melalui penglibatan saya dalam persatuan ini, iaitu melibatkan diri dalam pelbagai projek komuniti dan khidmat masyarakat dapat memainkan peranan penting dalam memajukan NBD ke arah kemajuan yang lebih baik dan sekali gus menjalin hubungan antara generasi muda demi mengukuhkan keharmonian dan persatuan dalam masyarakat. Selamat Menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD yang Ke-40 Tahun," ujar Dayang Siti Suaidah lagi.



AWANG Mohammad Danial Hazwan bin Haji Mohammad Azmi.

Oleh itu, kita selaku rakyat dan penduduk di negara ini patut berasa bersyukur yang amat mendalam ke hadapan majlis Kebawah DYMM kerana memimpin negara ini dengan berpanduan ajaran Al-Quran.

Muda-mudahan dengan Majlis Khatam Al-Quran tersebut, akan terus menjadi wadah dan manifestasi penghayatan terhadap falsafah negara, iaitu MIB, sistem yang mengatur cara hidup di negara ini ke arah perpaduan yang kukuh, sejahtera, harmoni dan aman serta ketenteraman hidup bermasyarakat dan bernegara yang direndai oleh Allah Subhanahu Wata'ala.



Aktifkan diri dengan kegiatan fizikal

Oleh : Norlia Md. Zain

Foto : Jabatan Penerangan

KEGIATAN fizikal adalah apa sahaja pergerakan badan yang menggunakan tenaga dan membakar kalori. Pergerakan itu termasuklah pergerakan perlahan dan sederhana seperti naik tangga, berjalan kaki dan membersihkan rumah dan juga pergerakan yang kuat seperti menari, berjalan pantas atau berlari.

Bersenam atau latihan jasmani juga boleh dikategorikan sebagai kegiatan fizikal. Kegiatan fizikal yang digemari dan dilakukan secara sederhana mudah dikekalkan dan boleh diperbaiki dan mempertahankan kesihatan awda.

Melaksanakan kegiatan fizikal secara konsisten dan tetap dapat mengurangkan risiko terhadap penyakit seperti penyakit kardiovaskular dan kencing manis, mengawal berat badan bagi mencegah kegemukan, mengawal tahap kolesterol dalam darah, mencegah dan mengawal tekanan darah tinggi, mencegah kerapuhan tulang, meningkatkan tahap tenaga dan membantu mengawal stres dan mengurangkan ketegangan.

Selain itu ia juga boleh mengelakkan daripada kemurungan dan keresahan, membolehkan tidur dengan lena, meningkatkan keyakinan diri, menguatkan semangat dan optimis, meningkatkan kekuatan otot, meningkatkan kualiti kehidupan melalui status kesihatan yang lebih baik terutama sekali dalam kalangan warga tua, menanamkan sikap-sikap yang positif dari segi kesihatan dalam kalangan kanak-kanak dan belia remaja.

Melakukan kegiatan fizikal secara beramai-ramai juga boleh mengeratkan lagi hubungan silaturahim di antara rakan-rakan dan kasih sayang sesama ahli keluarga.

Adakah ia memudaratkan?

Melakukan kegiatan fizikal itu lebih banyak faedahnya daripada risikonya. Kegiatan fizikal sepatutnya dilakukan secara perlahan-lahan atau sederhana terlebih dahulu dan selepas itu, dipertingkatkan dari segi intensiti dan tempoh masanya hingga mencapai tahap yang selesa bagi diri awda. Awda harus berjumpa dengan doktor terlebih dahulu jika :

- Berumur lebih dari 35 tahun dan belum pernah bersenam atau melakukan kegiatan fizikal.
- Mempunyai masalah kesihatan dan berat badan melebihi 20 peratus atau lebih.

Pada lazimnya, orang ramai dalam semua peringkat umur boleh melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan fizikal seharian yang sederhana seperti berjalan kaki, berkebun ataupun bertukang kayu secara ringan tanpa perlu berjumpa doktor.

Untuk melakukan kegiatan fizikal, ia tidak perlu pergerakan yang kuat bagi mendapatkan faedah kegiatan fizikal. Memadai untuk melakukan pergerakan atau kegiatan fizikal yang sederhana bagi mendapatkan faedah yang disebutkan tadi.

Kegiatan fizikal yang sederhana boleh mengurangkan risiko terhadap penyakit yang tertentu. Akan tetapi jika *abiskita* ingin mempertingkatkan daya tahan kardiovaskular (*cardiovascular fitness*), *abiskita* harus melakukan kegiatan fizikal atau bersenam 30 ke 60 minit, sebanyak tiga ke lima kali seminggu pada 50 peratus ke 80 peratus kapasiti maksima *abiskita*.

Kegiatan fizikal bagi warga emas

Adalah penting bagi warga emas untuk kekal aktif. Kegiatan fizikal yang dilakukan secara tetap lebih penting lagi bagi golongan ini. Peningkatan umur bukanlah satu alasan bagi tidak melakukan pergerakan atau kegiatan fizikal. Akan tetapi, *abiskita* harus

berjumpa doktor terlebih dahulu jika hendak memulakan senam ringan atau kegiatan fizikal, terutama sekali jika menghidap penyakit-penyakit tertentu. *Abiskita* bolehlah melakukannya dengan perlahan, pada tahap yang dirasakan selesa dan sesuai.

Pilihlah kegiatan yang digemari dan serasi dengan keperluan *abiskita* dan boleh dilakukan dengan mudah di mana-mana saja. Gunakan pakaian yang selesa dan pilih tempat yang terang dan selamat. Luangkan lebih masa untuk memanaskan dan menyejukkan badan dan banyakkkan minum air.

Faedah kepada kesihatan mental

Kegiatan fizikal antara salah satu cara efektif untuk memperbaiki kesihatan mental. Senaman secara teratur boleh mendatangkan kesan positif kepada kemurungan dan kegelisahan. Ia dapat melegakan tekanan, memperbaiki memori, memberikan tidur yang lebih baik, serta meningkatkan emosi. Berpeluh boleh membantu mengawal tekanan fizikal dan mental.

Kegiatan fizikal secara teratur dapat meningkatkan ingatan dan keupayaan untuk belajar perkara baharu. Keadaan yang aktif dapat mengelakkan rasa lesu dan malas.

Kajian menunjukkan individu yang bersenam secara teratur lebih produktif dan bertenaga.

Senaman dan merangsang rasa gembira. Kajian menunjukkan bahawa senaman juga boleh menyingkirkan simptom-simptom kemurungan, yang merupakan salah satu punca kepada terjadinya kesihatan mental.

Sesi senaman kardio boleh meningkatkan kreativiti sehingga lebih dua jam selepas itu. Jika awda memerlukan idea yang kreatif, luangkan masa untuk berjalan atau berlari untuk menyegarkan diri dan fikiran dalam masa yang sama.

Adakah awda tertanya berapa lama masa aktif yang diperlukan untuk memberikan rangsangan kepada kesihatan mental? Ia

tidak memerlukan masa yang lama. Bersenam selama 30 minit lima sesi seminggu amat disarankan. Jika awda terlalu sibuk dengan tugas kerja dan harian, dua sesi 15 minit seminggu atau tiga sesi 10 minit sudah memadai.

Tidak kira berapa umur dan tahap kecergasan awda, awda sentiasa boleh mempelajari cara menggunakan aktiviti fizikal sebagai alat untuk membantu berasa lebih baik.

Cara mendapat faedah kegiatan fizikal sepenuhnya

Bagi mendapatkan faedah kegiatan fizikal sepenuhnya, kita juga disaran untuk elakkan fakta risiko yang lain seperti pemakanan yang tidak sihat, merokok dan stres agar kita dapat mendapat faedah kegiatan fizikal sepenuhnya.

Menjaga pemakanan amatlah penting untuk menjaga tahap kesihatan tubuh barulah kita dapat menikmati faedah kegiatan fizikal itu tadi. Jika pemakanan tidak dijaga, maka sia-sialah kita berasa keletihan membuat kegiatan fizikal.

Pemakanan seimbang adalah diet yang memberi tubuh awda *nutrient* yang diperlukan untuk berfungsi dengan betul. Bagi mendapatkan *nutrient* yang betul daripada pemakanan awda, awda haruslah mengambil sebahagian besar kalori harian awda daripada buah-buahan segar, sayur segar, bijirin penuh, kacang dan protein tanpa lemak. Makanan yang berproses perlu dielakkan kerana lazimnya ia mengandungi garam berlebihan.

Perlu diingat, makanan dan minuman memberikan kalori yang kita perlukan dalam kehidupan seharian, tetapi mengambil lebih kalori dalam jangka masa tertentu akan menyebabkan kenaikan berat badan. Oleh itu kegiatan fizikal juga perlu didukung dengan mengamalkan pemakanan yang sihat agar dapat kesihatan yang baik.



Elak terdedah cuaca panas

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland, Jabatan Penerangan

CUACA panas merupakan salah satu unsur alam yang banyak mempengaruhi kehidupan manusia. Peningkatan suhu boleh memberi impak kepada pelbagai aspek kehidupan seharian. Ia juga boleh menjadi ancaman jika sekiranya gagal dikawal dengan baik dan banyak terdedah kepada cuaca yang terlalu panas. Justeru itu, golongan yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak dan warga emas, adalah penting untuk menghindari aktiviti di luar bagi mengelakkan dari impak negatif.

Negara Brunei Darussalam (NBD) pada lazimnya, dikenali dengan negara yang cuaca iklimnya adalah panas dan hujan. Tetapi sejak kebelakangan ini, negara ini telah mengalami kenaikan suhu cuaca yang ketara jika dibandingkan dengan sebelumnya. Ia menyebabkan penduduk-penduduk negara ini lebih cenderung untuk duduk di dalam rumah. Salah satu impak utama ialah peningkatan kemarau. Ketika kemarau, tanah akan menjadi kering dan sumber air akan menjadi berkurangan. Ini menyebabkan terjejasnya sistem ekosistem alam tumbuhan yang mana alam tumbuhan ini adalah juga salah satu sumber pemakanan manusia. Ini boleh menyebabkan kita kekurangan sumber makanan pada masa akan datang dan disebabkan kenaikan suhu di negara ini juga, banyak hutan-hutan yang terbakar. Kebakaran yang terjadi disebabkan cuaca panas bukan sahaja memberikan penambahan gas-gas pencemaran, tetapi juga mengorbankan binatang-binatang yang tinggal di dalam perhutanan kita.

Selain itu, cuaca panas mengakibatkan beberapa kes kesihatan yang

membimbangkan. Terdapat beberapa kes di mana disebabkan oleh kepanasan suhu di luar, menyebabkan manusia mengalami dehidrasi dan strok haba sehingga boleh mengakibatkan koma dan kematian. Oleh itu, kita haruslah mengambil langkah waspada jika kita mempunyai atau ada keluarga yang berisiko tinggi seperti diabetes, masalah pernafasan, sakit jantung atau individu yang mengambil ubat-ubatan kerana mereka mungkin akan terjejas. Ibu-ibu mengandung dan menyusui juga tidak terkecuali dari menjadi golongan yang berisiko kerana mereka cenderung untuk mengalami dehidrasi.

Jangan mengambil remeh tanda-tanda yang dialami ketika cuaca panas ini. Cuaca panas terik boleh menyebabkan seseorang kerap berpeluh dan kekurangan cecair dalam tubuh. Ini mengakibatkan individu berkenaan mudah berasa letih dan kurang bertenaga serta berisiko mengalami dehidrasi dan strok haba.

Jika kulit menjadi panas, kering dan merah, suhu badan meningkat, mengalami sakit kepala, tidak berpeluh, nadi menjadi laju atau muntah loya, itu boleh menjadi gejala serangan strok haba. Jika berlaku sesuatu, bawalah ke hospital dengan sesegera mungkin untuk mendapatkan rawatan yang disyorkan.

Langkah-langkah ketika menghadapi cuaca panas

Antara langkah-langkah yang boleh diambil ketika cuaca panas adalah :-

- Minum air kosong secukupnya

- Konsumsi buah-buahan yang segar
- Guna kipas atau pendingin hawa untuk menyejukkan badan
- Elakkan daripada memakai pakaian berwarna gelap, tebal dan ketat
- Lebihkan masa berada di dalam rumah dan hadkan aktiviti luar
- Menjaga keadaan badan dengan mendapatkan rehat dan tidur yang cukup
- Pakai topi atau payung untuk melindungi daripada pancaran haba terus ke badan
- Jangan sesekali duduk atau meninggalkan orang atau haiwan peliharaan dalam kenderaan yang bertutup tanpa pendingin hawa
- Minum minuman isotonik kerana ia boleh menggantikan garam dan mineral dalam tubuh badan

Kesan cuaca panas

Pendedahan kepada cuaca panas dan gelombang haba boleh menyebabkan pelbagai masalah kesihatan seperti kejang otot (*heat cramp*) dan kelesuan haba (*heat exhaustion*). Gejala ini lebih serius dan jika tidak dicegah boleh meningkatkan risiko kejadian strok haba. Gejala ringan seperti selaran matahari (*sunburn*) dan ruam juga boleh terjadi. Cuaca panas boleh membuatkan kita terkena strok haba, iaitu satu keadaan yang perlu dirawat dengan segera bagi mengelakkan komplikasi dan kematian. Bagi mengelakkan dan mengurangkan kesan terhadap kesihatan akibat cuaca panas, kita dinasihatkan untuk mengambil langkah-langkah seperti menggunakan pelindung matahari yang bersesuaian, banyak minum air, sentiasa membawa air dalam botol dan sebolehnya tidak meminum minuman yang mengandungi gula yang tinggi.

Tanda strok haba

Cuaca panas memberi tekanan fizikal kepada tubuh manusia. Kesan terhadap kesihatan boleh terjadi dari tahap sederhana hingga boleh menyebabkan kematian, contohnya akibat strok haba. Orang ramai dinasihatkan untuk mengetahui tanda-tanda awal strok haba dan segera berjumpa doktor bagi mendapatkan rawatan jika mengalami tanda-tanda berkenaan. Antara tanda strok haba :-

- Suhu badan yang tinggi
- Berasa pening
- Kurang berpeluh walaupun cuaca panas
- Kulit kemerahan, kering dan panas
- Otot terasa lemah atau berlaku kekejangan otot
- Mual dan muntah
- Mengalami denyutan jantung yang cepat
- Mengalami pernafasan yang cepat dan cetek iaitu tidak dapat menarik nafas dalam-dalam
- Sawan
- Tidak sedarkan diri

Sebagai kesimpulannya, orang ramai tidak boleh mengambil ringan tentang risiko cuaca panas. Mereka dinasihatkan supaya sentiasa peka dengan ramalan, nasihat dan amaran cuaca terkini dan mengambil langkah berjaga-jaga terhadap keadaan cuaca panas dan kering yang diramal akan berlaku.

Bagi penduduk NBD, maklumat, nasihat dan amaran cuaca terkini boleh diperoleh dengan menghubungi peramal cuaca yang bertugas di Pusat Ramalan Cuaca, melalui Talian Cuaca 114, atau melayari laman sesawang www.met.gov.bn atau melalui Facebook [@bruneiweather](https://www.facebook.com/bruneiweather), Instagram [@brunei.weather](https://www.instagram.com/brunei.weather) dan saluran Telegram jabatan, *Brunei Weather*.





31,000 TENTERA UKRAINE TERBUNUH DALAM PERANG DENGAN RUSIA - PRESIDEN UKRAINE

ANKARA, 26 Feb. - Seramai 31,000 tentera Ukraine telah terbunuh dalam perang antara

negara itu menentang Rusia, kata Presidennya Volodymyr Zelenskyy pada Ahad.

Bercakap pada sebuah forum di ibu negara Kyiv, Zelenskyy

menafikan bahawa seramai 300,000 tentera Ukraine terbunuh dalam perang sejak dua tahun lepas seperti dakwaan Presiden Rusia, Vladimir Putin, lapor Agensi Anadolu.

"Tetapi setiap kehilangan ini

adalah satu kerugian besar bagi kami," katanya pada forum bertajuk 'Ukraine Year 2024'.

Zelenskyy tidak mendedahkan bilangan tentera Ukraine yang cedera, menegaskan dengan berbuat demikian akan membantu

perancangan tentera Rusia.

Ini adalah kali pertama Kyiv mengesahkan bilangan kematian dialami negara itu sejak Moscow melancarkan 'operasi ketenteraan khas' ke atas negara itu pada 24 Februari 2022. - ©BERNAMA

Seorang maut, kereta rempuh pelancong di Jepun

TOKYO, 26 Feb. - Seorang maut manakala seorang lagi cedera parah selepas sebuah kereta merempuh sekumpulan pelancong di bandar Nara barat Jepun, Sputnik memetik laporan media Jepun.

Pemandu berusia 79 tahun yang merupakan pemilik kedai cenderamata tempatan dikatakan merempuh sekumpulan pelancong pada Ahad, lapor stesen penyiar NHK.

Akibat kejadian itu, seorang pelancong Taiwan mengalami kecederaan di kepala dan meninggal dunia tiga jam kemudian.

Sementara itu, seorang lagi mangsa mengalami kecederaan serius di bahagian tulang belakang.

Pemandu itu telah ditahan atas kesalahan memandu dengan cuai hingga menyebabkan kematian. - ©BERNAMA

Hospital terapung UAE mula terima pesakit dari Gaza

ABU DHABI, 26 Feb. - Sebuah hospital terapung Emiriah Arab Bersatu (UAE) pada Ahad mula memberikan bantuan perubatan kepada rakyat Palestin yang cedera dalam konflik dengan Israel di Pelabuhan Al-Arish di timur laut Mesir, menurut Agensi Berita Emirates (WAM), lapor Agensi Anadolu.

Hospital dengan kapasiti 100 katil itu dilengkapi dengan pelbagai kemudahan perubatan yang lengkap, termasuk bilik pembedahan dan rawatan rapi, unit radiologi, makmal dan farmasi.

Ia dikendalikan oleh sepasukan 100 kakitangan perubatan dan pentadbiran yang merangkumi pelbagai kepakaran termasuk anastesia, pembedahan am, ortopedik dan perubatan kecemasan.

Hospital terapung itu sebagai tambahan kepada Hospital Sahara yang dibuka di Gaza pada 3 Dis lepas mempunyai kemudahan untuk rawatan perubatan kecemasan dan kes-kes kritikal, seperti pelantar pendaratan helikopter dan bot.

Serangan berterusan Israel di Semenanjung Gaza sejak Oktober lepas, membunuh lebih 29,690 penduduk Palestin dan menyebabkan kemusnahan besar-besaran dan kekurangan barang keperluan. - ©BERNAMA

Ahli politik antara 2 ditembak mati di India

NEW DELHI, 26 Feb. - Sekurang-kurangnya dua individu termasuk seorang pemimpin politik di negeri Haryana, utara India ditembak mati manakala beberapa anggota keselamatan cedera dalam insiden tembakan pada Ahad, menurut polis tempatan, lapor Xinhua. Kejadian berlaku di bandar Bahadurgarh, Haryana kira-kira 40 kilometer dari ibu negara India, New Delhi.

Nafe Singh Rathee, bekas penggubal undang-undang dua kali di Haryana dan presiden parti Indian National Lok Dal (INLD) yang berpangkalan di negeri itu, sedang menaiki kenderaan utiliti sukan miliknya bersama anggota keselamatan apabila penyerang yang tidak dikenali melepaskan tembakan rambang ke arah kenderaannya.

Menurut polis tempatan, Rathee maut di tempat kejadian manakala seorang pekerja parti INLD meninggal dunia ketika dibawa ke hospital. Beliau berkata beberapa anggota keselamatan yang mengiringi a Rathee turut cedera dalam kejadian itu. - ©BERNAMA

Tanzania : 25 maut, 21 cedera dalam kemalangan jalan raya

MOSCOW, 26 Feb. - Sekurang-kurangnya 25 orang, termasuk warga asing terbunuh dan 21 lagi cedera dalam kemalangan jalan raya di wilayah Arusha, utara Tanzania, menurut media tempatan pada Ahad, lapor Sputnik.

Siasatan awal menunjukkan bahawa kejadian itu berlaku akibat kegagalan sistem brek sebuah trak, menyebabkan ia melanggar tiga kenderaan lain, lapor akhbar The Citizen. Seramai 11 daripada yang maut adalah wanita, termasuk seorang kanak-kanak perempuan.

Kemalangan itu melibatkan warga asing daripada pelbagai negara, termasuk Kenya, Togo, Madagascar, Burkina Faso, Afrika Selatan, Nigeria, Amerika Syarikat, Switzerland dan United Kingdom. - ©BERNAMA

4 maut, 6 cedera dalam tanah runtuh di Timur Indonesia

JAKARTA, 26 Feb. - Sekurang-kurangnya empat orang terbunuh dan enam lagi cedera akibat tanah runtuh di sebatang jalan raya di wilayah Sulawesi Selatan di Indonesia pada pagi Isnin, kata seorang pegawai, lapor Xinhua.

Pemangku Ketua Agensi Pengurangan Bencana Sulawesi Selatan, Amson Pandolo berkata

tanah runtuh di Bastem Utara kira-kira 9.00 pagi waktu tempatan itu disebabkan oleh hujan lebat yang melanda pada petang Ahad.

Lebih 20 orang dilaporkan terjejas akibat tanah runtuh itu.

Pandolo berkata pasukan penyelamat telah mengeluarkan mayat mangsa dan membawa mangsa yang cedera ke pusat

kesihatan masyarakat di kampung berhampiran.

Beliau berkata lebih daripada 10 motosikal dan dua kereta tertimbus dalam tanah runtuh itu.

Menurut beliau, bencana itu telah merosakkan jalan raya dan beberapa buah kampung terputus hubungan. - ©BERNAMA

Maryam Nawaz Sharif dilantik ketua menteri wanita pertama Punjab, Pakistan

ISLAMABAD, 26 Feb. - Naib presiden parti Liga Muslim Pakistan-Nawaz Maryam Nawaz Sharif, pada Isnin dilantik sebagai ketua menteri wanita pertama bagi wilayah Punjab timur Pakistan, menurut Speaker Dewan Perwakilan, Malik Muhammad Ahmad.

Maryam, anak perempuan bekas Perdana Menteri Nawaz Sharif, memperoleh 220 undi berbanding sifar undian yang diterima Aftab Ahmad Khan, calon Majlis Ittehad Sunni, lapor Xinhua.

Maryam, 50, menjadi ketua menteri wanita pertama di Pakistan sejak negara Asia Selatan itu

mencapai kemerdekaan pada 1947.

Selepas pelantikannya, Maryam berucap di sidang dewan dan berikrar untuk meningkatkan projek pembangunan, membawa pembaharuan dalam bidang kesihatan dan pertanian serta memudahkan sektor perniagaan. - ©BERNAMA

Aidilfitri : Panjangkan tempoh harga maksimum tiket penerbangan

KOTA KINABALU, 26 Feb. - Tempoh penetapan RM599 harga maksimum tiket penerbangan kelas ekonomi sehala dari Semenanjung ke Sabah, Sarawak dan Labuan sempena Aidilfitri tahun ini, perlu dipanjangkan dari tiga hari kepada dua minggu, demikian menurut persatuan pengguna Sabah.

Presiden Barisan Pengguna Sabah (CFOS) Nordin Thani berkata tempoh itu perlu dipanjangkan agar lebih ramai penduduk dari ketiga-tiga wilayah, mendapat harga tiket penerbangan berpatutan serta tidak melambung tinggi, seterusnya berpeluang pulang ke kampung halaman masing-masing bagi menyambut Hari Raya.

Beliau berkata tempoh tiga hari ditetapkan bagi melaksanakan harga maksimum tiket penerbangan untuk ke Sabah, Sarawak dan Labuan sempena Aidilfitri itu juga, dilihat tidak mencukupi kerana tidak semua boleh bercuti awal dan ada yang terpaksa bekerja semasa perayaan berkenaan.

"Harga maksimum itu (perlu dilaksanakan) seminggu sebelum Hari Raya dan seminggu selepas Hari Raya. Dua minggu. Manamana yang tidak dapat bercuti (sebelum) Hari Raya akan pulang (ke kampung) selepas itu.

"Kita minta kerajaan mempertimbangkan kaedah ini, supaya semua (orang Sabah, Sarawak dan Labuan) berpeluang membeli harga tiket penerbangan berpatutan dan tidak mahal. Selain itu, mereka boleh merancang cuti seterusnya membuat tempahan

dalam tempoh tersebut," katanya kepada Bernama.

Pada 24 Feb, Menteri Pengangkutan Anthony Loke memaklumkan kerajaan menetapkan RM599 harga maksimum tiket penerbangan kelas ekonomi sehala dari Semenanjung ke Sabah, Sarawak dan Labuan untuk tempoh perjalanan tiga hari, menjelang sambutan Aidilfitri tahun ini.

Beliau berkata ia antara lain bagi membantu melancarkan percutian orang ramai balik beraya ke kampung halaman masing-masing pada April dan sebarang kenaikan daripada harga maksimum ditetapkan itu, akan ditampung menerusi subsidi kerajaan dalam tempoh tiga hari tersebut.

Loke juga berkata kementerianya akan meminta pandangan daripada semua pihak termasuk Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), untuk mengetahui tarikh sambutan sebenar Aidilfitri sebelum penetapan harga tiket itu dilaksanakan.

Nordin berkata pelaksanaan harga maksimum tiket penerbangan sempena Aidilfitri itu juga, perlu memberi keutamaan kepada penduduk Sabah, Sarawak dan Labuan balik kampung, kerana dikhawatirkan ada yang mengambil kesempatan daripada penetapan harga tersebut untuk bercuti ke wilayah berkenaan.

Beliau berkata pengendali syarikat penerbangan juga perlu mengambil kira menggunakan kapal terbang besar bagi menampung lebih ramai penumpang yang balik

kampung pada musim perayaan ini.

Sementara itu, Yang Dipertua Majlis Tindakan Pengguna Negara (MTPN) Sabah Kevin Lo Kian Min berkata langkah kerajaan menetapkan harga maksimum tersebut, dilihat sebagai pendekatan positif untuk mengawal kenaikan harga tiket penerbangan berlebihan menjelang Hari Raya.

Beliau berkata ini sekali gus dapat membantu memastikan aksesibiliti kepada perjalanan udara bagi rakyat Sabah, Sarawak dan Labuan yang ingin pulang ke kampung halaman masing-masing, tanpa terbeban dengan harga tiket penerbangan yang tidak munasabah.

"Langkah ini juga mencerminkan kesungguhan kerajaan, untuk menjaga kepentingan dan kesejahteraan rakyat terutama dalam situasi ekonomi yang mencabar," katanya.

Beliau turut menyarankan rakyat Sabah di Semenanjung khususnya, merancang perjalanan pulang ke kampung dengan sebaiknya termasuk membeli tiket lebih awal, bagi mengelak kenaikan harga tidak dijangka.

"Membuat persiapan awal penting bagi pengguna untuk mendapatkan tiket pada harga berpatutan. Ini termasuk merancang perjalanan, kerana ini akan memberi peluang kepada pengguna untuk mencari tawaran terbaik seterusnya mendapatkan harga tiket penerbangan lebih rendah," katanya. - ©BERNAMA

PARLIMEN HUNGARY LULUS BIDAAN SWEDEN SERTAI NATO



BUDAPEST, 27 Feb. - Ahli Parlimen Hungary pada Isnin meluluskan rang undang-undang mengenai usaha Sweden untuk menyertai Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (NATO), lapor Xinhua. Seramai 194 daripada 199 Ahli Parlimen (MP) Hungary mengambil bahagian dalam pengundian dengan 188 undi menyokong manakala enam lagi menentang.

"Kerjasama ketenteraan Sweden-Hungary dan penyertaan Sweden dalam NATO mengukuhkan keselamatan Hungary," kata Perdana Menteri Hungary Viktor Orban sebelum agenda parlimen. Dengan ratifikasi itu, Hungary menjadi negara terakhir daripada 31 negara anggota NATO yang meluluskan bidaan Sweden untuk menyertai pakatan tentera

berkenaan selepas Parlimen Turkiye meratifikasi penyertaan negara Nordik itu pada 23 Jan. Sweden secara rasmi akan menjadi ahli ke-32 perikatan itu pada sidang kemuncak NATO seterusnya di Washington DC pada Julai. Rang undang-undang itu masih perlu ditandatangani oleh Presiden Hungary Tamas Sulyok yang baru dipilih untuk menjadi

undang-undang.

Sementara itu, ratifikasi Parlimen Hungary disambut baik oleh Perdana Menteri Sweden Ulf Kristersson yang menyifatkannya sebagai "hari bersejarah" selain

menyatakan kesediaan negara berkenaan untuk memikul tanggungjawabnya terhadap keselamatan Euro-Atlantik. - ©BERNAMA

Banjir : Lebih 5,000 penduduk Brazil hilang tempat tinggal

MEXICO CITY, 27 Feb. - Lebih 11,200 penduduk Brazil terpaksa meninggalkan rumah mereka akibat banjir teruk yang melanda negeri Acre di barat laut negara itu, menurut portal berita Brazil G1

pada Isnin, lapor Sputnik. Banjir itu juga menyebabkan sekurang-kurangnya 5,578 daripada penduduk terjejas banjir hilang tempat tinggal. Pihak berkuasa tempatan pada

Ahad mengisytiharkan darurat di negeri itu dengan bandar Jordao paling teruk terjejas apabila 80 peratus daripada kawasan berkenaan ditenggelami air. Sebanyak 13 daerah di Rio Branco, ibu negeri Acre terjejas banjir dengan air naik setinggi dua meter. - ©BERNAMA

Tentera AS serang kawasan dikuasai Houthi di Yaman

KAHERAH, 27 Feb. - Tentera Amerika Syarikat (AS) menyerang kawasan yang dikuasai oleh Houthi di Yaman yang mengenai peluru berpandu, dron dan bot dron kumpulan itu dalam tindakan yang didakwa sebagai mempertahankan diri, lapor Agensi Berita Jerman (dpa). Dalam satu kenyataan, Komando Pusat AS (CENTCOM) berkata serangan dari 4.45 petang hingga 11.45 malam waktu tempatan itu (1345 GMT hingga 2045 GMT)

memusnahkan tiga kenderaan permukaan tanpa pemandu (USV) dan dua peluru berpandu anti-kapal (ASCM) yang "sedia untuk dilancarkan" ke Laut Merah. Menurut CENTCOM, mereka turut memusnahkan sebuah kenderaan udara tanpa pemandu (UAV) di Laut Merah. CENTCOM berkata mereka menilai bahawa USV, ASCM dan UAV "mendatangkan ancaman kepada kapal dagang dan kapal Tentera Laut AS di kawasan berkenaan.

"Tindakan ini diambil untuk melindungi kebebasan pelayaran dan menjadikan perairan antarabangsa lebih selamat dan lebih terjamin bagi kapal Tentera Laut AS dan kapal dagang," kata CENTCOM. Houthi sebelum ini berikrar untuk menyerang kapal yang ada kaitan dengan Israel di Laut Merah. Bagaimanapun banyak kapal yang diserang itu tidak mempunyai kaitan dengan Israel. - ©BERNAMA

Penerbangan di Lapangan Terbang Antarabangsa Astana terjejas akibat kebakaran

MOSCOW, 27 Feb. - Kebakaran di Lapangan Terbang Antarabangsa Astana, Kazakhstan menyebabkan kira-kira 24 penerbangan tertangguh, manakala para penumpang terpaksa dipindahkan, lapor Xinhua. "Kebakaran dilaporkan berlaku di pusat pensuisan Lapangan Terbang Antarabangsa Astana sekitar 7.50 pagi (0150 GMT) waktu tempatan Selasa.

"Pada 8.24 pagi (0224 GMT) kebakaran berjaya dikawal sepenuhnya. Semua penumpang yang berada dalam terminal lapangan terbang telah dipindahkan ke tempat selamat," menurut lapangan terbang itu dalam satu kenyataan di media sosial. Operasi memadam kebakaran melibatkan 23 jentera dan 58 anggota bomba.

"Lapangan Terbang Antarabangsa Astana terus menerima ketibaan penerbangan. Bagaimanapun, 18 penerbangan yang dijadual berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Astana ditangguhkan," menurut kenyataan itu. Penerbangan yang terjejas termasuk penerbangan ke UAE, Turkiye, Poland, Rusia dan destinasi-destinasi domestik. - ©BERNAMA

Empat peluncur ski maut dalam runtuh salji di timur Kyrgyzstan

BISHKEK, 27 Feb. - Runtuh salji di timur Kyrgyzstan mengorbankan empat nyawa, menurut perkhidmatan media Kementerian Situasi Kecemasan Kyrgyzstan pada Isnin. Tragedi berlaku pada 1 petang waktu tempatan (0700 GMT) di Lembah Jyrgalan di wilayah Issyk-Kul, lapor Xinhua. Seramai 23 pelancong dari Republik Czech dan Slovakia tiba di Lembah Jyrgalan untuk bermain ski namun terperangkap dalam runtuh salji dan menyebabkan empat warga Czech terkorban, menurut perkhidmatan media terbabit. - ©BERNAMA

Ahli parlimen tertua India meninggal dunia pada usia 94 tahun

NEW DELHI, 27 Feb. - Ahli parlimen tertua India Shafiqur Rahman Barq meninggal dunia pada usia 94 tahun. Beliau menghembuskan nafas terakhir pada Selasa di sebuah hospital tempatan. Barq merupakan anggota Parti Samajwadi dan mewakili kawasan Sambhal di negeri Uttar Pradesh. Beliau dilantik menjadi Ahli Parlimen buat kali kelima pada 2019 dan dicalonkan oleh partinya untuk bertanding dalam pilihan raya akan datang. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai penyelaras jawatankuasa yang berjuang melindungi Masjid Babri di Ayodhya. - ©BERNAMA

Kuota tambahan 2,000 pelajar perubatan langkah penting - Presiden Korea Selatan

SEOUL, 27 Feb. - Presiden Korea Selatan Yoon Suk Yeol pada Selasa berkata rancangan kerajaan untuk menaikkan kuota bagi sekolah perubatan sebanyak 2,000 merupakan "langkah minimum yang diperlukan" bertujuan menangani kekurangan doktor. "Sekiranya rakyat tidak dapat menerima rawatan tepat pada masanya dan sewajarnya, kerajaan tidak menunaikan kewajipan perlembagaannya. "Tambahan bagi kuota sekolah perubatan sebanyak 2,000 adalah langkah minimum yang diperlukan untuk memenuhi perlembagaan. "Negara kita pada masa ini menghadapi masalah kekurangan doktor yang ketara dan tidak lama lagi keadaan akan menjadi lebih serius," Agensi Berita Yonhap memetik Yoon sebagai berkata semasa mesyuarat mengenai kerjasama antara kerajaan pusat dan tempatan. Mogok kini memasuki hari kelapan dengan kira-kira 9,000 doktor residen dan doktor pelatih tidak melapor diri untuk bertugas setakat Isnin. Yoon menambah bahawa lebih ramai doktor diperlukan untuk bekerja dalam bidang perubatan penting seperti pembedahan berisiko tinggi, pediatrik, obstetrik dan perubatan kecemasan serta di kawasan luar bandar. "Ini tidak boleh dan tidak sepatutnya menjadi subjek untuk rundingan atau kompromi. "Melakukan tindakan kolektif dengan mengancam kesihatan dan nyawa rakyat adalah tidak wajar walaupun atas sebarang alasan. "Walaupun kami menaikkan kuota sekolah perubatan sekarang, bilangan doktor hanya akan mula meningkat 10 tahun kemudian," kata Yoon. Kumpulan doktor membantah rancangan itu dengan mendakwa peningkatan kuota bagi sekolah perubatan hanya akan menurunkan kualiti pendidikan tanpa menangani isu asas seperti pampasan rendah dan risiko penyelewengan perubatan yang tinggi. - ©BERNAMA



BDSNSL 2024 BUKA TIRAI



PENOLONG Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Norilham bin Haji Jais semasa berinteraksi pada Kejohanan Bola Jaring Liga Super Sekolah-sekolah Brunei Darussalam 2024 (kiri). Sementara gambar kanan, antara aksi pada kejohanan tersebut.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

SUNGAI AKAR, Selasa, 27 Februari. - Kejohanan Bola Jaring Liga Super Sekolah-sekolah Brunei Darussalam (Brunei Darussalam Schools Netball Super League - BDSNSL) 2024 membuka tirainya pada

hari ini dengan menyaksikan perlawanan pembukaan di antara pasukan Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna (SMPAPHM) dan Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS).

Hadir selaku tetamu kehormat bagi merasmikan kejohanan yang berlangsung di Dewan Serbaguna SMPAPHM itu

ialah Penolong Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Norilham bin Haji Jais.

Pada perlawanan tersebut, pasukan daripada SMPAPHM mengungguli perlawanan setelah menumpaskan MSPSBS dengan kiraan 21 - 10. Seramai 112 pelajar perempuan daripada lapan buah

sekolah iaitu pasukan yang telah berjaya menjadi juara dalam kumpulan peringkat kelayakan pada tahun 2023 yang lalu menyertai BDSNSL 2024.

Kejohanan ini akan berlangsung pada setiap Selasa, Khamis dan Sabtu bermula pada 27 Februari hingga 18 Mei 2024 di dua lokasi iaitu Dewan Serbaguna SMPAPHM dan Dewan Serbaguna Sekolah Menengah Awang Semaun.

Antara tujuan untuk kejohanan diadakan adalah bagi mengenal pasti pelajar-pelajar yang berpotensi dan berbakat dalam sukan bola jaring untuk mewakili pasukan bola jaring Majlis Sukan Sekolah-sekolah Brunei Darussalam (MS SSBD) ke kejohanan-kejohanan peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk meningkatkan dan mengukuhkan rangkaian kerjasama di antara institusi-institusi pendidikan dan agensi-agensi berkaitan dalam usaha menerapkan pendidikan melalui sukan bola jaring serta menyokong matlamat pembangunan mampan dalam memastikan kehidupan yang sihat dan sejahtera untuk semua lapisan peringkat umur.

Kejohanan tersebut merupakan anjuran Kementerian Pendidikan melalui Bahagian Jasmani dan Rekreasi, Jabatan Pendidikan Kokurikulum dengan kerjasama Persatuan Bola Jaring Kebangsaan Brunei Darussalam.

BDSNSL 2024 disertai oleh pelajar-pelajar perempuan dari sekolah-sekolah menengah, maktab, pusat tingkatan enam dan swasta di bawah Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

8 pasukan berentap dalam BDSFSL 2024

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BERAKAS, Isnin, 26 Februari. - Sebanyak lapan buah sekolah, iaitu pasukan yang berjaya menjadi juara dalam kumpulan di peringkat kelayakan pada tahun lalu akan menyertai Kejohanan Bola Sepak Liga Super Sekolah-sekolah Brunei Darussalam (BDSFSL) 2024.

Kejohanan berkenaan dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan melalui Bahagian Jasmani dan Rekreasi, Jabatan Pendidikan Kokurikulum (JPKK) dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; dan Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD).

Kejohanan berkenaan melibatkan 160 pelajar daripada sekolah menengah, maktab dan Pusat Tingkatan Enam kerajaan serta swasta di bawah Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Perasmian BDSFSL 2024 yang diadakan di Padang FABD berkenaan disempurnakan oleh Pengarah JPKK, Awang Julaihi bin Mohamad / Mohamat, selaku tetamu kehormat.

Perlawanan pertama kejohanan

berkenaan menyaksikan pasukan Sekolah Menengah Berakas menewaskan Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam dengan jaringan 3 - 0 di Padang FABD.

Kejohanan berkenaan antara lain bertujuan untuk mengenal pasti para pelajar yang berpotensi dan berbakat dalam sukan bola sepak untuk mewakili pasukan bola sepak Majlis Sukan Sekolah-sekolah Brunei Darussalam (MS SSBD) ke kejohanan-kejohanan pada peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa.

Selain itu, ia bertujuan untuk meningkatkan dan mengukuhkan rangkaian kerjasama antara institusi-institusi pendidikan dan agensi-agensi berkaitan dalam usaha menerapkan pendidikan melalui sukan bola sepak serta menyokong Matlamat Pembangunan Mampan dalam memastikan kehidupan yang sihat dan menggalakkan kesejahteraan untuk semua lapisan peringkat umur.

Kejohanan berkenaan berlangsung pada setiap Isnin dan Rabu mulai 26 Februari 2024 hingga 5 Jun 2024 di dua lokasi berasingan, iaitu Padang FABD dan Padang Kompleks Sukan Tutong.



PENOLONG Pengarah JPKK, Awang Julaihi bin Mohamad / Mohamat hadir selaku tetamu kehormat pada Kejohanan Bola Sepak Liga Super Sekolah-sekolah Brunei Darussalam (BDSFSL) 2024 (atas sekali). Manakala gambar atas, antara aksi pada kejohanan berkenaan.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

JADIKAN AL-QURAN SEBAGAI PANDUAN HIDUP